- Jika wajah terdaftar tidak dikesan atau tidak dikesan dengan mudah, tulis ganti maklumat terdaftar dengan maklumat wajah baru. Maklumat wajah yang didaftarkan sebelum penangkapan memudahkan pengesanan wajah terdaftar.
- Jika seseorang tersilap dikesan sebagai orang lain dan anda terus menangkap, anda boleh mengedit atau memadamkan nama yang direkod dalam imej semasa main balik (📖114).
- Memandangkan wajah bayi dan kanak-kanak bertukar dengan cepat semasa mereka membesar, anda harus mengemas kini maklumat wajah mereka dengan kerap (📖48).
- Nama masih akan direkodkan dalam imej walaupun anda mengosongkan kotak semak [Info tangkapan] dalam "Menyesuaikan Maklumat yang Dipaparkan" (📖103) supaya nama tidak dipaparkan.
- Jika anda tidak ingin nama direkod dalam imej, pilih [Settin Wajah ID] pada tab [📷2], pilih [ID wajah] dan kemudian pilih [Padam].
- Anda boleh memeriksa nama yang direkod dalam imej pada skrin main balik (paparan maklumat ringkas) (📖108).
- Dalam mod [📷], nama tidak akan dipaparkan pada skrin penangkapan, tetapi nama tersebut akan direkodkan dalam imej pegun.
- Nama yang direkodkan dalam penangkapan berterusan (📖47) terus direkod dalam posisi yang sama seperti tangkapan pertama, walaupun jika subjek bergerak.

Memeriksa dan Mengedit Maklumat Didaftar



1 Akses skrin [Semak/Edit info].

- Ikuti langkah 1 dalam "Mendaftar Maklumat ID Wajah" (📖48), pilih [Semak/Edit info] dan tekan butang [📷].

2 Pilih seseorang untuk menyemak atau mengedit maklumatnya.

- Tekan butang [▲][▼][◀][▶] untuk memilih orang yang maklumatnya ingin anda semak atau edit dan kemudian tekan butang [📷].

3 Semak atau edit maklumat jika diperlukan.

- Untuk menyemak nama atau hari jadi, pilih [Edit profil] (sama ada tekan butang [▲][▼] atau putar dail [🔴]) dan kemudian tekan butang [📷]. Pada skrin yang dipaparkan, anda boleh mengedit nama atau hari jadi seperti yang ditunjukkan dalam langkah 3 "Mendaftar Maklumat ID Wajah" (📖48).
- Untuk menyemak maklumat wajah, pilih [Lis info wajah] (sama ada tekan butang [▲][▼] atau putar dail [🔴]) dan kemudian tekan butang [📷]. Tekan butang [📷] pada skrin yang dipaparkan, pilih maklumat wajah untuk dipadamkan dengan menekan butang [▲][▼][◀][▶] atau memutar dail [🔴] dan kemudian tekan butang [📷]. Selepas [Padam?] dipaparkan, pilih [OK] (sama ada tekan butang [◀][▶] atau putar dail [🔴]) dan kemudian tekan butang [📷].

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks






- Walaupun anda menukar nama dalam [Edit profil], nama yang direkodkan dalam imej yang ditangkap sebelum ini akan kekal sama.

Menulis Ganti dan Menambah Maklumat Wajah

Anda boleh menulis ganti maklumat wajah yang sedia ada dengan maklumat wajah baru. Anda harus mengemas kini maklumat wajah dengan kerap, khususnya bayi dan kanak-kanak, kerana wajah mereka berubah dengan cepat semasa membesar. Anda juga boleh menambah maklumat wajah apabila semua 5 slot maklumat wajah masih belum dipenuhi.



1 Akses skrin [Tambah wajah info].

- Ikuti langkah 1 dalam “Mendaftar Maklumat ID Wajah” (📖48), pilih [Tambah wajah info] dan tekan butang [SET].

2 Pilih seseorang untuk menulis ganti maklumat wajahnya.

- Tekan butang [▲][▼][◀][▶] untuk memilih nama orang yang maklumat wajahnya anda ingin menulis ganti dan kemudian tekan butang [SET].
- Jika lima item maklumat wajah telah didaftar, mesej akan dipaparkan. Pilih [OK] (sama ada tekan butang [◀][▶] atau putar dail [🌀]) dan kemudian tekan butang [SET].
- Jika kurang daripada lima item maklumat wajah didaftar, pergi ke langkah 4 untuk menambah maklumat wajah.



3 Pilih maklumat wajah untuk ditulis ganti.

- Tekan butang [▲][▼][◀][▶] atau putar dail [🌀] untuk memilih maklumat wajah untuk ditulis ganti dan kemudian tekan butang [SET].

4 Daftar maklumat wajah.

- Ikuti langkah 2 dalam “Mendaftar Maklumat ID Wajah” (📖48) untuk menangkap dan kemudian daftarkan maklumat wajah yang baru.
- Wajah yang terdaftar akan dikenali dengan lebih mudah jika anda menambah pelbagai maklumat wajah. Di samping sudut dari depan, tambahkan sudut dari sisi, tangkapan senyuman dan tangkapan di dalam serta di luar.



- Anda tidak boleh menambah maklumat wajah jika semua 5 slot maklumat telah dipenuhi. Ikuti langkah di atas untuk menulis ganti maklumat wajah.
- Anda boleh mengikuti langkah di atas untuk mendaftar maklumat wajah baru jika terdapat sekurang-kurangnya satu slot; namun, anda tidak boleh menulis ganti maklumat wajah. Daripada menulis ganti maklumat wajah, mula-mula padamkan maklumat sedia ada (📖50) yang tidak diinginkan dan kemudian daftarkan maklumat wajah baru (📖48) yang diperlukan.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori



Lampiran

Indeks



Memadamkan Maklumat Terdaftar

Anda boleh memadamkan maklumat (maklumat wajah, nama dan hari jadi) yang didaftarkan kepada ID Wajah. Walau bagaimanapun, nama yang direkod dalam imej yang ditangkap sebelum ini tidak akan dipadam.



1 Akses skrin [Padam Info].

- Ikuti langkah 1 dalam “Mendaftar Maklumat ID Wajah” (📖48) dan pilih [Padam Info].

2 Pilih seseorang untuk memadamkan maklumatnya.

- Tekan butang [▲][▼][◀][▶] untuk memilih nama orang untuk dipadamkan dan kemudian tekan butang [🗑️].
- Selepas [Padam?] dipaparkan, tekan butang [◀][▶] atau putar dail [🕒] untuk pilih [Ok] dan kemudian tekan butang [🗑️].



- Jika anda memadamkan maklumat orang yang terdaftar, anda tidak dapat memaparkan nama mereka (📖110), menulis ganti maklumat mereka (📖114) atau mencari imej untuk mereka (📖111).




- Anda boleh juga memadamkan nama-nama dalam maklumat imej (📖114).

Ciri Penyesuaian Imej

Menukar Nisbah Bidang

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Tukar nisbah bidang (nisbah lebar dan ketinggian) imej seperti berikut.



- Tekan butang [🕒], pilih [3:2] dalam menu dan pilih pilihan yang diinginkan (📖30).
- Sebaik sahaja tetapan lengkap, nisbah bidang skrin akan dikemas kini.
- Untuk memulihkan tetapan asal, ulangi proses ini tetapi pilih [3:2].

16:9	Digunakan untuk dipaparkan pada HDTV skrin lebar atau peranti paparan serupa.
3:2	Nisbah bidang asli skrin kamera. Nisbah bidang yang sama dengan filem 35 mm, digunakan untuk mencetak imej yang saiznya 5 x 7 inci atau saiz poskad.
4:3	Digunakan untuk dipaparkan pada televisyen definisi standard atau peranti paparan serupa. Juga digunakan untuk mencetak imej yang saiznya 3.5 x 5 inci atau saiz siri A.
1:1	Nisbah bidang segi empat sama.



- Tidak tersedia dalam mod [📷].
- Anda juga boleh mengkonfigurasi tetapan ini dengan memilih MENU (📖31) ▶ tab [📷1] ▶ [Nisbah Imej Pegun].

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



Menukar Kualiti Imej

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Pilih dari 4 aras kualiti imej. Untuk panduan tentang jumlah tangkapan setiap jenis imej yang boleh disimpan dalam kad memori, lihat "Bilangan Tangkapan bagi setiap Kad Memori" (📖212).



- Tekan butang [📷], pilih [L] dalam menu dan pilih pilihan yang diinginkan (📖30).
- Pilihan yang anda konfigurasi kini dipaparkan.
- Untuk memulihkan tetapan asal, ulangi proses ini tetapi pilih [L].

Panduan untuk Memilih Tetapan Pikel Berdasarkan Saiz Kertas (untuk Imej 3:2)

	A2 (16.5 x 23.4 inci)
	A3 – A5 (11.7 x 16.5 – 5.8 x 8.3 inci)
	3.5 x 5 inci, 5 x 7 inci, Poskad
	Untuk menghantar e-mel dan tujuan yang serupa




- Tidak tersedia dalam mod [📷].
- Anda juga boleh mengkonfigurasi tetapan ini dengan memilih MENU (📖31) ▶ tab [📷1] ▶ [Kualiti imej].

Membetulkan Kawasan Imej Kehijauan daripada Lampu Merkuri

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Dalam mod [AUTO], subjek atau latar belakang dalam tangkapan pemandangan malam yang diterangkan oleh lampu merkuri mungkin kelihatan mempunyai ton kehijauan. Ton kehijauan tersebut boleh dibetulkan secara automatik apabila menangkap dengan menggunakan White Balance Pelbagai Kawasan.



- Tekan butang [MENU], pilih [Koreksi chy Hg] pada tab [📷6] dan kemudian pilih [On] (📖31).
- Sebaik sahaja tetapan lengkap, [📷] dipaparkan.
- Untuk memulihkan tetapan asal, ulangi proses ini tetapi pilih [Padam].



- Selepas anda selesai menangkap dalam pemandangan lampu merkuri, anda harus menetapkan [Koreksi chy Hg] kembali ke [Padam]. Jika tidak, ton warna hijau yang tidak disebabkan oleh lampu merkuri juga mungkin dibetulkan dengan tidak sengaja.



- Cuba ambil beberapa gambar ujian terlebih dahulu untuk memastikan anda memperoleh hasil yang diinginkan.
- Dalam penangkapan berterusan (📖47), tetapan ini ditetapkan kepada [Padam] dan tidak boleh ditukar.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



Menukar Kualiti Imej Filem

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Laraskan kualiti imej filem (saiz imej dan kadar bingkai). Kadar bingkai menunjukkan jumlah bingkai yang dirakam bagi setiap saat, yang ditentukan secara automatik berdasarkan tetapan NTSC atau PAL (📖160). Untuk panduan tentang panjang maksimum filem pada setiap aras kualiti imej yang boleh dimuatkan pada kad memori, lihat "Masa Rakaman bagi setiap Kad Memori" (📖213).



- Tekan butang [📷], pilih item menu kualiti filem dan kemudian pilih pilihan yang diingini (📖30).
- Pilihan yang anda konfigurasi kini dipaparkan.



Untuk Video NTSC

Kualiti Imej	Bilangan Piksel	Kadar Bingkai	Terperinci
FHD 59.94P	1920 x 1080	59.94 fps	Untuk rakaman dalam Full HD. FHD 59.94P membolehkan filem bergerak dengan lebih lancar
FHD 29.97P	1920 x 1080	29.97 fps	
FHD 23.98P	1920 x 1080	23.98 fps	
HD 29.97P	1280 x 720	29.97 fps	Untuk rakaman dalam HD
VGA 29.97P	640 x 480	29.97 fps	Untuk rakaman dalam definisi standard

Untuk Video PAL

Kualiti Imej	Bilangan Piksel	Kadar Bingkai	Terperinci
FHD 50.00P	1920 x 1080	50.00 fps	Untuk rakaman dalam Full HD.
FHD 25.00P	1920 x 1080	25.00 fps	
HD 25.00P	1280 x 720	25.00 fps	Untuk rakaman dalam HD
VGA 25.00P	640 x 480	25.00 fps	Untuk rakaman dalam definisi standard



- Bar hitam (dipaparkan di sebelah kiri dan kanan dalam mod **VGA 29.97P** dan **VGA 25.00P**) serta di bahagian atas dan bawah dalam mod **FHD 59.94P**, **FHD 29.97P**, **FHD 23.98P**, **FHD 29.97P**, **FHD 50.00P**, **FHD 25.00P** dan **HD 25.00P**) menunjukkan kawasan imej yang tidak dirakam.
- Anda juga boleh mengkonfigurasi tetapan ini dengan memilih MENU (📖31) ▶ tab [📷8] ▶ [Kualiti Video].

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks




Ciri-Ciri Penangkapan Bermanfaat

Menggunakan Aras Elektronik

► Imej Pegun ► Filem

Aras elektronik boleh dipapar pada skrin semasa penangkapan sebagai garis panduan untuk menentukan sama ada kamera adalah mendatar.




1 Memaparkan aras elektronik.

- Tekan butang [DISP.] untuk memaparkan aras elektronik.



2 Datarkan kamera jika diperlukan.

- Datarkan kamera supaya pusat aras elektronik adalah hijau.




- Jika aras elektronik tidak dipaparkan dalam langkah 1, tekan butang [MENU] dan semak tetapan dalam tab [📷], pilih [Paparan maklumat tangkapan].
- Mencondongkan kamera terlalu ke hadapan atau ke belakang akan menghalang anda dari menggunakan aras elektronik yang akan bertukar menjadi kelabu.
- Aras elektronik tidak dipaparkan semasa rakaman filem.
- Jika anda memegang kamera dengan menegak, orientasi aras elektronik akan dikemas kini secara automatik untuk sepadan dengan orientasi kamera.
- Kalibrasikan aras elektronik jika ia tidak berkesan dalam membantu anda memaras kamera (📖161).
- Tidak tersedia dalam mod [📷].

Membesarkan Kawasan dalam Fokus

► Imej Pegun ► Filem

Anda boleh periksa fokus dengan menekan butang pengatur separuh ke bawah, yang akan membesarkan kawasan imej dalam fokus dalam bingkai AF.



1 Konfigurasikan tetapan.

- Tekan butang [MENU], pilih [Titik zoom AF] pada tab [📷2] dan kemudian pilih [On] (📖31).



2 Periksa fokus.

- Tekan butang pengatur separuh ke bawah. Wajah yang dikesan sebagai subjek utama kini diperbesar.
- Untuk memulihkan tetapan asal, pilih [Padam] pada langkah 1.



- Kawasan yang berada dalam fokus tidak diperbesar dalam keadaan berikut apabila butang pengatur ditekan separuh ke bawah.
 - Jika wajah tidak dikesan, jika seseorang berada terlalu dekat dengan kamera dan wajah mereka terlalu besar untuk skrin atau jika kamera mengesan pergerakan subjek
 - Apabila zum digital digunakan (📖41)
 - Apabila TV digunakan sebagai paparan (📖169)
- Tidak tersedia dalam mod [📷].

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



Memeriksa Mata Tertutup


▶ Imej Pegun ▶ Filem

 dipaparkan apabila kamera mengesan mata orang yang mungkin tertutup.




1 Konfigurasikan tetapan.



- Tekan butang **[MENU]**, pilih [Deteksi kedip] pada tab **[07]** dan kemudian pilih [On] (📖31).



2 Tangkap.

-  beryala apabila kamera mengesan mata orang yang tertutup.
- Untuk memulihkan tetapan asal, pilih [Padam] pada langkah 1.



- Apabila anda telah menentukan berbilang tangkapan dalam mod , fungsi ini hanya tersedia untuk tangkapan terakhir.
- Satu bingkai dipaparkan di sekeliling orang yang mata tertutup apabila anda memilih [2 saat], [4 saat], [8 saat] atau [Tahan] dalam [Masa Paparan] (📖58).
- Ciri ini tidak tersedia semasa penangkapan berterusan dalam mod  (📖40).
- Ciri ini tidak tersedia dalam mod penangkapan berterusan (📖47).


Menukar Tetapan Mod IS

Menyahaktifkan Penstabilan Imej




▶ Imej Pegun ▶ Filem


Apabila kamera dipegang stabil (seperti apabila menangkap dari tripod), anda harus menetapkan penstabilan imej kepada [Padam] untuk menyahaktifkannya.

1 Akses skrin tetapan.

- Tekan butang **[MENU]**, pilih [Setin IS] pada tab **[04]** dan kemudian tekan butang  (📖31).

2 Konfigurasikan tetapan.

- Tekan butang **[▲][▼]** atau putar dail  untuk memilih [Mod IS], tekan butang  dan kemudian tekan butang **[▲][▼]** atau putar dail  untuk memilih pilihan yang diingini (📖31).



Berterusan	Penstabilan imej optimum untuk keadaan penangkapan akan digunakan secara automatik (Intelligent IS) (📖40).
Padam	Menyahaktifkan penstabilan imej.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks




Merakam Filem dengan Subjek Bersaiz Sama seperti Dipaparkan sebelum Merakam

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Biasanya, sebaik sahaja rakaman filem bermula, kawasan paparan imej bertukar dan subjek dibesarkan untuk membenarkan pembetulan bagi goncangan kamera yang kuat.

Untuk merakam filem dengan subjek pada saiz yang sama seperti yang ditunjukkan sebelum merakam, anda boleh mengurangkan penstabilan imej.



- Ikuti langkah 1 dalam “Menyahaktifkan Penstabilan Imej” (📖56) untuk mengakses skrin [Setin IS].
- Pilih [IS Dinamik] dan kemudian pilih [Rendah] (📖31).



- Anda juga boleh menetapkan [Mod IS] kepada [Padam] supaya subjek dirakam pada saiz yang sama seperti yang ditunjukkan sebelum merakam.
- [IS Dinamik] tidak tersedia apabila [Mod IS] ditetapkan kepada [Padam] (📖56).
- Hanya [Standard] tersedia apabila kualiti filem ditetapkan kepada [📺VGA 29.97P] (NTSC) atau [📺VGA 25.00P] (PAL).

Menyesuaikan Operasi Kamera

Sesuaikan fungsi penangkapan pada tab [📷] bagi skrin menu seperti berikut. Untuk arahan tentang fungsi menu, lihat “Menggunakan Skrin Menu” (📖31).

Menghalang Lampu Bantu AF daripada Menyala

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Anda boleh menyahaktifkan lampu yang biasanya menyala untuk membantu anda memfokus apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah dalam keadaan cahaya malap.



- Tekan butang [MENU], pilih [Beam bantu AF] pada tab [📷3] dan kemudian pilih [Padam] (📖31).
- Untuk memulih tetapan asal, ulangi proses ini tetapi pilih [On].

Menghalang Lampu Pengurangan Mata Merah daripada Menyala

▶ Imej Pegun ▶ Filem


Anda boleh menyahaktifkan lampu pengurangan mata merah yang menyala untuk mengurangkan mata merah apabila denyar digunakan dalam keadaan cahaya malap.

1 Akses skrin [Kontrol Flash].

- Tekan butang [MENU], pilih [Kontrol Flash] pada tab [📷5] dan kemudian tekan butang [🔍] (📖31).

2 Konfigurasikan tetapan.

- Pilih [Red-Eye Lamp] dan kemudian pilih [Padam] (📖31).
- Untuk memulih tetapan asal, ulangi proses ini tetapi pilih [On].



Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



Menukar Gaya Paparan Imej selepas Tangkapan

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Anda boleh menukar jangka masa imej yang dipaparkan dan jenis maklumat yang dipaparkan selepas penangkapan.

Menukar Jangka Paparan Imej selepas Tangkapan

1 Akses skrin [Menyemk imej slps menangkap].

- Tekan butang [MENU], pilih [Menyemk imej slps menangkap] pada tab [C2] dan kemudian tekan butang [3] (31).



2 Konfigurasikan tetapan.

- Pilih [Masa Paparan] dan kemudian pilih pilihan yang diinginkan (31).
- Untuk memulih tetapan asal, ulangi proses ini tetapi pilih [Cepat].

Cepat	Paparkan imej hanya hingga anda boleh menangkap semula.
2 saat, 4 saat, 8 saat	Memaparkan imej sehingga masa yang ditentukan. Walaupun tangkapan sedang dipaparkan, anda boleh mengambil gambar yang lain dengan menekan butang pengatup separuh ke bawah sekali lagi.
Tahan	Memaparkan imej hingga anda menekan butang pengatup separuh ke bawah.
Padam	Tiada imej dipaparkan selepas tangkapan.


Menukar Skrin Dipaparkan selepas Tangkapan

Tukar gaya imej yang dipaparkan selepas tangkapan seperti berikut.

1 Tetapkan [Masa Paparan] kepada [2 saat], [4 saat], [8 saat] atau [Tahan] (58).

2 Konfigurasikan tetapan.

- Pilih [Info Paparan] dan kemudian pilih pilihan yang diinginkan (31).
- Untuk memulihkan tetapan asal, ulangi proses ini tetapi pilih [Padam].



Padam	Hanya memaparkan imej.
Terperinci	Memaparkan butiran penangkapan (194).



- Apabila [Masa Paparan] (58) ditetapkan kepada [Padam] atau [Cepat], [Info Paparan] akan ditetapkan kepada [Padam] dan tidak boleh ditukar.
- Dengan menekan butang [DISP] sambil imej dipaparkan selepas penangkapan, anda boleh menukar maklumat paparan. Ambil perhatian bahawa tetapan [Info Paparan] tidak ditukar. Anda juga boleh memadamkan imej dengan menekan butang [1].

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



Mod Penangkapan Lain

Tangkap secara lebih berkesan dalam pelbagai pemandangan dan ambil gambar dengan kesan imej unik atau dengan menggunakan fungsi khas



Menikmati Pelbagai Imej daripada Setiap Tangkapan (Tangkapan Kreatif)

► Imej Pegun ► Filem

Kamera menentukan subjek dan keadaan penangkapan, menggunakan kesan khas dan mengubah tangkapan secara automatik untuk menekankan subjek. Enam imej pegun dirakam untuk setiap tangkapan. Anda boleh mengambil berbilang imej pegun yang mempunyai kesan dengan menggunakan tetapan yang ditentukan oleh kamera.



1 Masuk ke mod [P].

- Tetapkan dail mod ke [P].

2 Tangkap.

- Tekan butang pengatup sepenuhnya ke bawah. Semasa anda menangkap, bunyi pengatup akan berbunyi tiga kali.
- Selepas enam imej dipaparkan berturut-turut, imej tersebut akan dipaparkan dengan serentak untuk kira-kira dua saat.
- Untuk mengekalkan imej yang dipaparkan sehingga anda menekan butang pengatup separuh ke bawah, tekan butang [OK]. Bagi paparan skrin penuh dalam keadaan ini, pilih imej dengan menekan butang [▲][▼][◀][▶] atau memutar dail [DIAL] dan kemudian tekan butang [OK].
- Untuk kembali ke paparan asal, tekan butang [MENU].



Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks





- Penangkapan akan mengambil sedikit masa apabila denyar menyala, tetapi pegang kamera dengan kemas sehingga pengatup berbunyi sebanyak tiga kali.
- Enam imej tersebut diuruskan bersama sebagai satu kumpulan (📖113).
- Paparan serentak enam imej seperti yang ditunjukkan dalam langkah 2 hanya tersedia sebaik sahaja anda menangkap.

Memilih Kesan

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Anda boleh memilih kesan untuk imej yang ditangkap dalam mod [📷].



- Selepas memilih mod [📷], putar dail [🔘] untuk memilih kesan.

📷 Auto	Semua kesan
📷 Retro	Imej menyerupai foto lama
📷 Monokrom	Imej dihasilkan dalam satu warna
📷 Istimewa	Imej jelas, kelihatan tersendiri
📷 Sejadi	Imej lembut, kelihatan semula jadi

Subjek Bergerak (Sukan)

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Tangkap secara berterusan ketika kamera memfokus pada subjek yang bergerak.



1 Masuk ke mod [📷].

- Tetapkan dail mod ke [📷].



2 Fokus.

- Ketika anda menekan butang pengatup separuh ke bawah, kamera akan terus melaraskan fokus dan kecerahan imej di mana bingkai biru dipaparkan.

3 Tangkap.

- Tahan butang pengatup sepenuhnya ke bawah untuk menangkap secara berterusan.



- Dalam mod [📷], tangkapan mungkin kelihatan berbintik kerana kelajuan ISO (📖80) ditingkatkan untuk sesuai dengan keadaan penangkapan.
- Untuk butiran tentang julat tangkapan dalam mod [📷], lihat "Julat Penangkapan" (📖213).
- Tangguhan mungkin berlaku selepas penangkapan gambar berterusan sebelum anda boleh menangkap semula. Ambil perhatian bahawa beberapa jenis kad memori mungkin menanggung tangkapan berikutnya dengan lebih lama.
- Penangkapan mungkin menjadi perlahan bergantung pada keadaan penangkapan, tetapan kamera dan posisi zum.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



Pemandangan Tertentu

Pilih mod yang sepadan dengan pemandangan penangkapan dan kamera akan mengkonfigurasi tetapan secara automatik untuk tangkapan optimum.



1 Masuk ke mod [SCN].

- Tetapkan dail mod ke [SCN].



2 Pilih mod penangkapan.

- Tekan butang [Q], pilih [S] dalam menu dan kemudian pilih mod penangkapan (30).

3 Tangkap.



Tangkap Potret (Potret)

▶ Imej Pegun ▶ Filem

- Ambil gambar orang dengan kesan melembut.



Tangkap Pemandangan Malam tanpa Menggunakan Tripod (Latar Malam Pegangan)

▶ Imej Pegun ▶ Filem

- Tangkapan pemandangan malam yang cantik atau potret dengan pemandangan malam sebagai latar belakang, tanpa perlu memegang kamera tanpa bergerak (seperti menggunakan tripod).
- Imej tunggal dicipta dengan menggabungkan tangkapan berterusan, mengurangkan goncangan kamera dan hingar imej.



Tangkap dengan Latar Belakang Bersalji (Salji)

▶ Imej Pegun ▶ Filem

- Tangkapan orang yang berwarna terang dan semula jadi dengan latar belakang salji.



Tangkap Bunga api (Bunga api)

▶ Imej Pegun ▶ Filem

- Tangkapan bunga api yang terang.



- Subjek kelihatan lebih besar dalam mod [F] berbanding dengan mod lain.
- Dalam mod [F], tangkapan mungkin kelihatan berbintik kerana kelajuan ISO (30) ditingkatkan untuk sesuai dengan keadaan penangkapan.
- Kerana kamera akan menangkap secara berterusan dalam mod [F], pegang kamera dengan stabil ketika menangkap.
- Dalam mod [F], keaburan pergerakan yang berlebihan atau keadaan penangkapan tertentu mungkin menghalang anda daripada memperoleh kesan yang diinginkan.
- Dalam mod [F], pasang kamera pada tripod atau ambil langkah lain untuk memastikan kamera tetap stabil dan mengelakkan goncangan kamera. Selain itu, anda harus menetapkan [Mod IS] kepada [Padam] apabila menggunakan tripod atau ambil langkah lain untuk memasang kamera dengan kukuh (56).



- Apabila anda menggunakan tripod untuk pemandangan malam, menangkap dalam mod [AUTO] dan bukan mod [F] akan memberikan kesan yang lebih baik (35).
- Dalam mod [F], walaupun tiada bingkai dipaparkan apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah, fokus optimum masih ditentukan.
- Anda juga boleh memilih mod penangkapan dengan mengakses MENU (31) ▶ tab [1] ▶ [Mod Rekod].

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



Kesan Imej (Penuras Kreatif)

Tambah pelbagai kesan ke imej apabila menangkap.



1 Masuk ke mod [📷].

- Tetapkan dail mod ke [📷].



2 Pilih mod penangkapan.

- Tekan butang [HDR], pilih [HDR] dalam menu dan kemudian pilih mod penangkapan ([📷]30).

3 Tangkap.

📷 Tangkap dalam Warna yang Terang (Sangat Terang)

▶ Imej Pegun ▶ Filem

- Tangkapan dalam warna yang kaya dan terang.



📷 Tangkapan dengan kesan Poster (Kesan Poster)

▶ Imej Pegun ▶ Filem

- Tangkapan seperti poster atau ilustrasi yang lama.



- Dalam mod [📷] dan [📷], cuba ambil beberapa gambar ujian terlebih dahulu untuk memastikan anda memperoleh hasil yang diinginkan.



- Anda juga boleh memilih mod penangkapan dengan mengakses MENU ([📷]31) ▶ tab [📷]1 ▶ [Mod Rekod].


Menangkap Pemandangan Berkontras Tinggi (Julat Dinamik Tinggi)

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Setiap kali anda menangkap, tiga imej berterusan ditangkap pada aras kecerahan berbeza dan kamera menggabungkan kawasan kecerahan optimum imej untuk mencipta imej tunggal. Mod ini boleh mengurangkan bahagian terang pudar dan kehilangan butiran dalam bayangan yang selalu berlaku dalam tangkapan berkontras tinggi.

1 Pilih [HDR].

- Ikuti langkah 1 – 2 dalam “Kesan Imej (Penuras Kreatif)” ([📷]62) dan pilih [HDR].



2 Tangkap.

- Pegang kamera dengan mantap semasa anda menangkap. Apabila anda menekan butang pengatup sepenuhnya ke bawah, kamera akan mengambil tiga gambar dan menggabungkan mereka.



- Kekaburan pergerakan berlebihan atau keadaan penangkapan tertentu mungkin menghalang anda daripada memperoleh kesan yang diinginkan.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks





- Jika guncangan kamera berlebihan dan mengganggu penangkapan, pasang kamera pada tripod atau ambil langkah lain untuk memastikan kamera tetap stabil. Selain itu, anda harus menetapkan [Mod IS] kepada [Padam] apabila menggunakan tripod atau ambil langkah lain untuk memasang kamera dengan kukuh (📖56).
- Sebarang pergerakan subjek akan menyebabkan kekaburan imej.
- Tangguhan akan berlaku sebelum anda boleh menangkap sekali lagi, kerana kamera akan memproses dan menggabungkan imej.
- [ND] mungkin dipaparkan apabila anda menekan butang separuh ke bawah dalam keadaan terang menunjukkan pelarasan automatik untuk kecerahan imej optimum.

Menambah Kesan Seni



- Ikuti langkah 1 – 2 dalam “Kesan Imej (Penuras Kreatif)” (📖62) dan pilih [HDR].
- Putar dail [🔧] untuk memilih aras kesan.
- Pratonton menunjukkan rupa tangkapan anda akan kelihatan apabila menggunakan kesan tersebut.

Sejadi	Imej berwarna semula jadi dan organik.
Standard Seni	Imej seperti lukisan dengan kurang kontras.
Vivid Seni	Imej seperti ilustrasi warna terang.
Nyata Seni	Imej seperti cat minyak dengan pinggir tebal.
Timbul Seni	Imej seperti foto lama dengan pinggir tebal dan suasana gelap.

Tangkap dengan Warna Pudar (Nostalgia)

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Kesan ini menjadikan warna kelihatan pudar dan imej kelihatan diluluhawa seperti dalam fotografi lama. Pilih dari lima aras kesan.



1 Pilih [📷].

- Ikuti langkah 1 – 2 dalam “Kesan Imej (Penuras Kreatif)” (📖62) dan pilih [📷].

2 Pilih aras kesan.

- Putar dail [🔧] untuk memilih aras kesan.
- Pratonton menunjukkan rupa tangkapan anda akan kelihatan apabila menggunakan kesan tersebut.

3 Tangkap.



- Cuba ambil beberapa gambar ujian terlebih dahulu untuk memastikan anda memperoleh hasil yang diinginkan.



- Warna kelihatan pudar pada skrin tangkapan tetapi kesan penuaan imej tidak dipaparkan. Periksa imej dalam mod Main balik untuk melihat kesan (📖106).
- Kesan penuaan imej tidak dipaparkan dalam filem.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



Menangkap dengan Kesan Lensa Mata Ikan (Kesan Mata Ikan)

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Tangkap dengan kesan herot lensa mata ikan.

1 Pilih [🐟].

- Ikuti langkah 1 – 2 dalam “Kesan Imej (Penuras Kreatif)” (📖62) dan pilih [🐟].



2 Pilih aras kesan.

- Putar dail [🔧] untuk memilih aras kesan.
- Pratonton menunjukkan rupa tangkapan anda akan kelihatan apabila menggunakan kesan tersebut.

3 Tangkap.



- Cuba ambil beberapa gambar ujian terlebih dahulu untuk memastikan anda memperoleh hasil yang diinginkan.

Tangkapan seperti Model Miniatur (Kesan Miniatur)

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Mencipta kesan model miniatur dengan mengaburkan kawasan imej di atas dan bawah kawasan yang anda pilih.

Anda boleh juga membuat filem seperti pemandangan dari model miniatur dengan memilih kelajuan main balik sebelum filem dirakam. Orang dan objek dalam pemandangan ini akan bergerak dengan cepat semasa main balik. Ambil perhatian bahawa bunyi tidak dirakam.

1 Pilih [🏠].

- Ikuti langkah 1 – 2 dalam “Kesan Imej (Penuras Kreatif)” (📖62) dan pilih [🏠].
- Bingkai putih dipaparkan, menunjukkan kawasan imej yang tidak akan dikaburkan.

2 Pilih kawasan untuk dikekalkan dalam fokus.

- Tekan butang [▲].
- Gerakkan tuas zum untuk menukar saiz bingkai dan putar dail [🐟] untuk menggerakkannya.

3 Bagi filem, pilih kelajuan main balik filem.

- Putar dail [🔧] untuk memilih kelajuan.



4 Kembali ke skrin penangkapan dan tangkap.

- Tekan butang [🏠] untuk kembali ke skrin penangkapan dan kemudian tangkap.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



Kelajuan Main Balik dan Anggaran Masa Main Balik (untuk Klip Satu Minit)

Kelajuan	Masa Main balik
5x	Kira-kira 12 saat
10x	Kira-kira 6 saat
20x	Kira-kira 3 saat

Filem dimainkan balik pada 30 fps.



- Zum tidak tersedia apabila merakam filem. Pastikan untuk menetapkan zum sebelum merakam.
- Cuba ambil beberapa gambar ujian terlebih dahulu untuk memastikan anda memperoleh hasil yang diinginkan.



- Untuk menukar orientasi bingkai kepada orientasi menegak, tekan butang [◀][▶] dalam langkah 2. Untuk mengembalikan bingkai kepada orientasi mendatar, tekan butang [▲][▼].
- Untuk menggerakkan bingkai apabila ia dalam orientasi mendatar, tekan butang [▲][▼] dan untuk menggerakkan bingkai apabila ia dalam orientasi menegak, tekan butang [◀][▶].
- Memegang kamera dengan menegak akan menukar orientasi bingkai.
- Kualiti imej filem adalah [4K] pada nisbah bidang [4:3] dan [4K] pada nisbah bidang [16:9] (62). Tetapan kualiti ini tidak boleh ditukar.
- Faktor zum tidak boleh ditukar dengan butang [Z] pada skrin dalam langkah 2 dan 3 atau ketika merakam filem.



- Anda juga boleh menggerakkan bingkai itu dengan menyentuh atau menyeret merentasi skrin.

Menangkap dengan Kesan Kamera Mainan (Kesan Kamera Mainan)

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Kesan ini menjadikan imej seperti tangkapan dari kamera mainan dengan mengaburkan tepi (sudut imej kabur, lebih gelap) dan menukar warna keseluruhan.

1 Pilih [📷].

- Ikuti langkah 1 – 2 dalam “Kesan Imej (Penuras Kreatif)” (62) dan pilih [📷].



2 Pilih ton warna.

- Putar dail [🔊] untuk memilih ton warna.
- Pratonton menunjukkan rupa tangkapan anda akan kelihatan apabila menggunakan kesan tersebut.

3 Tangkap.

Standard	Tangkapan seperti imej dari kamera mainan.
Panas	Imej mempunyai ton lebih panas daripada [Standard].
Sejuk	Imej mempunyai ton lebih sejuk daripada [Standard].



- Cuba ambil beberapa gambar ujian terlebih dahulu untuk memastikan anda memperoleh hasil yang diinginkan.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



Menonjolkan Subjek (Pengaburan Latar Belakang)

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Anda boleh menangkap subjek supaya mereka lebih menonjol berbanding dengan latar belakang.

Dua imej berturutan ditangkap dengan tetapan yang teroptimum untuk pengaburan latar belakang. Latar belakang dikaburkan melalui kesan lensa serta pemprosesan imej berdasarkan pemandangan dan subjek.

1 Pilih [👤].

- Ikuti langkah 1 – 2 dalam “Kesan Imej (Penuras Kreatif)” (📖62) dan pilih [👤].



2 Tangkap.

- Pegang kamera dengan mantap semasa anda menangkap. Dua imej berturutan akan ditangkap apabila anda menekan butang pengatup sepenuhnya ke bawah.
- Ikon [👤] berkelip menunjukkan bahawa imej tidak boleh diproses.



- Kekaburan pergerakan berlebihan atau keadaan penangkapan tertentu mungkin menghalang anda daripada memperoleh kesan diingini.



- Untuk hasil terbaik dengan kesan ini, cuba tangkap pada jarak dekat dengan subjek dan pastikan jarak yang cukup antara subjek dan latar belakang.
- Tanguhan mungkin berlaku selepas penangkapan sebelum anda boleh menangkap semula.
- Untuk melaraskan aras kesan, putar dail [⚙️].

Menangkap dengan Kesan Fokus Lembut

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Fungsi ini membenarkan anda menangkap imej seolah-olah penuras fokus lembut dipasang pada kamera. Anda boleh melaraskan aras kesan seperti yang diingini.

1 Pilih [👤].

- Ikuti langkah 1 – 2 dalam “Kesan Imej (Penuras Kreatif)” (📖62) dan pilih [👤].



2 Pilih aras kesan.

- Putar dail [⚙️] untuk memilih aras kesan.
- Pratonton menunjukkan rupa tangkapan anda akan kelihatan apabila menggunakan kesan tersebut.

3 Tangkap.



- Cuba ambil beberapa gambar ujian terlebih dahulu untuk memastikan anda memperoleh hasil yang diingini.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



Menangkap dalam Monokrom

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Tangkap imej dalam hitam dan putih, sepia atau biru dan putih.

1 Pilih [📷].

- Ikuti langkah 1 – 2 dalam “Kesan Imej (Penuras Kreatif)” (📖62) dan pilih [📷].



2 Pilih ton warna.

- Putar dail [🌞] untuk memilih ton warna.
- Pratonton menunjukkan rupa tangkapan anda akan kelihatan apabila menggunakan kesan tersebut.

3 Tangkap.

B/W	Tangkapan hitam dan putih.
Sepia	Tangkapan ton sepia.
Biru	Tangkapan biru dan putih.

Mod Khas untuk Tujuan Lain

Penangkapan Auto selepas Pengesanan Wajah (Pengatup Pintar)

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Penangkapan Auto selepas Pengesanan Senyuman (Senyum)

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Kamera menangkap secara automatik selepas mengesan senyuman walaupun tanpa anda menekan butang pengatup.



1 Pilih [😊].

- Ikuti langkah 1 – 2 dalam “Pemandangan Tertentu” (📖61) dan pilih [😊] dan kemudian tekan butang [▲].
- Tekan butang [⏪] atau putar dail [🌞] untuk memilih [😊] dan kemudian tekan butang [📷].
- Kamera kini memasuki mod penangkapan tunggu sedia dan [Deteksi senyum aktif] dipaparkan.

2 Halakan kamera pada seseorang.

- Setiap kali kamera mengesan senyuman, ia akan menangkap selepas lampu bercahaya.
- Untuk menjeda pengesanan senyuman, tekan butang [▼]. Tekan butang [▼] sekali lagi untuk menyambung pengesanan.



- Tukar kepada mod lain apabila anda selesai menangkap, jika tidak, kamera akan terus menangkap setiap kali senyuman dikesan.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks





- Anda juga boleh menangkap seperti biasa dengan menekan tombol pengatup.
- Kamera boleh mengesan senyuman dengan lebih mudah apabila subjek menghadap kamera dan membuka mulut mereka dengan cukup lebar supaya gigi kelihatan.
- Untuk menukar bilangan tangkapan, tekan butang [▲][▼] selepas memilih [📷] dalam langkah 1. [Deteksi kedip] (📖56) hanya tersedia untuk tangkapan terakhir.



- Anda juga boleh memilih mod penangkapan dengan memilih [📷] dalam langkah 1 – 2 “Pemandangan Tertentu” (📖61), menyentuh [ISO] untuk mengakses skrin tetapan, menyentuh [📷] dan kemudian menyentuh pilihan yang sama atau [SET].

Penangkapan Auto selepas Pengesanan Kerdipan (Pemasa Kendiri Kerdipan)

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Halakan kamera terhadap orang dan tekan tombol pengatup sepenuhnya ke bawah. Kamera akan menangkap selepas kira-kira dua saat setelah kerdipan dikesan.



1 Pilih [📷].

- Ikuti langkah 1 – 2 dalam “Pemandangan Tertentu” (📖61) dan pilih [📷] dan kemudian tekan butang [▲].
- Tekan butang [⏪] atau putar dail [🔍] untuk memilih [📷] dan kemudian tekan butang [📷].

2 Gubah tangkapan dan tekan butang pengatup separuh ke bawah.

- Pada skrin, sentuh wajah orang yang akan berkerdip untuk memilihnya (AF Sentuh) dan kemudian tekan butang pengatup separuh ke bawah.
- Pastikan bahawa bingkai hijau dipaparkan di sekitar wajah orang yang akan berkerdip.



- Jika kerdipan tidak dikesan, kerdip sekali lagi dengan perlahan dan sengaja.
- Kerdipan mungkin tidak dapat dikesan jika mata tertutup dengan rambut, topi atau cermin mata.
- Menutup dan membuka kedua-dua mata serentak juga dikesan sebagai kerdipan.
- Jika kerdipan tidak dikesan, kamera akan menangkap kira-kira 15 saat kemudian.
- Untuk menukar bilangan tangkapan, tekan butang [▲][▼] selepas memilih [📷] dalam langkah 1. [Deteksi kedip] (📖56) hanya tersedia untuk tangkapan terakhir.
- Jika tiada orang dalam kawasan penangkapan apabila butang pengatup ditekan sepenuhnya ke bawah, kamera akan menangkap selepas seseorang memasuki kawasan penangkapan dan mengerdip.
- Faktor zum tidak boleh ditukar dengan butang [📷] selepas anda menekan butang pengatup sepenuhnya ke bawah.

3 Tekan butang pengatup sepenuhnya ke bawah.

- Kamera kini memasuki mod penangkapan tunggu sedia dan [Kedip utk ambil gambar] dipaparkan.
- Lampu berkelip dan bunyi pemasa sendiri dimainkan.

4 Hadap kamera dan kerdip.

- Kamera akan menangkap selepas kira-kira dua saat selepas mengesan kerdipan oleh orang yang wajahnya berada dalam bingkai itu.
- Untuk membatalkan penangkapan selepas anda mencetuskan pemasa sendiri, tekan butang [MENU].

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks





- Anda juga boleh memilih mod penangkapan dengan memilih [REKAM] dalam langkah 1 – 2 “Pemandangan Tertentu” (61), menyentuh [ISO] untuk mengakses skrin tetapan, menyentuh [OK] dan kemudian menyentuh pilihan yang sama atau [SET].

Penangkapan Auto selepas Pengesanan Orang Baharu (Pemasa Kendiri Wajah)

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Kamera akan menangkap kira-kira dua saat selepas mengesan bahawa wajah orang lain (seperti jurugambar) telah memasuki kawasan penangkapan (90). Ini berguna apabila anda ingin menyertai foto kumpulan atau tangkapan lain yang serupa.



1 Pilih [OK].

- Ikuti langkah 1 – 2 dalam “Pemandangan Tertentu” (61) dan pilih [OK] dan kemudian tekan butang [▲].
- Tekan butang [◀][▶] atau putar dail [OK] untuk memilih [OK] dan kemudian tekan butang [OK].

2 Gubah tangkapan dan tekan butang pengatup separuh ke bawah.

- Pastikan bahawa bingkai hijau dipaparkan di sekitar wajah yang anda fokuskan dan bingkai putih di sekitar wajah lain.

3 Tekan butang pengatup sepenuhnya ke bawah.

- Kamera kini memasuki mod penangkapan tunggu sedia dan [Pandang tepat pada kamera utk mulakan kiraan] dipaparkan.
- Lampu berkelip dan bunyi pemasa sendiri dimainkan.



4 Sertai subjek di kawasan penangkapan dan lihat ke kamera.

- Selepas kamera mengesan wajah baharu, lampu berkelip dan bunyi pemasa sendiri akan semakin cepat. (Apabila denyar menyala, lampu akan kekal bercahaya.) Selepas kira-kira dua saat, kamera akan menangkap.
- Untuk membatalkan penangkapan selepas anda mencetuskan pemasa sendiri, tekan butang [MENU].



- Walaupun wajah anda tidak dikesan selepas anda menyertai orang lain dalam kawasan penangkapan, kamera akan menangkap selepas kira-kira 15 saat.
- Untuk menukar bilangan tangkapan, tekan butang [▲][▼] selepas memilih [OK] dalam langkah 1. [Deteksi kedip] (56) hanya tersedia untuk tangkapan terakhir.
- Faktor zum tidak boleh ditukar dengan butang [◀][▶] selepas anda menekan butang pengatup sepenuhnya ke bawah.



- Anda juga boleh memilih mod penangkapan dengan memilih [REKAM] dalam langkah 1 – 2 “Pemandangan Tertentu” (61), menyentuh [ISO] untuk mengakses skrin tetapan, menyentuh [OK] dan kemudian menyentuh pilihan yang sama atau [SET].

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks




Menangkap Langit Berbintang (Bintang)

Menangkap Pemandangan Malam di bawah Langit Berbintang (Pemandangan Bintang)

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Ambil tangkapan yang mengagumkan bagi langit berbintang dalam pemandangan malam. Cahaya bintang dalam imej ditingkatkan secara automatik, menjadikan langit berbintang kelihatan cantik.



1 Pilih [🌃].

- Ikuti langkah 1 – 2 dalam “Pemandangan Tertentu” (📖61) dan pilih [🌃] dan kemudian tekan butang [▲].
- Tekan butang [◀][▶] atau putar dail [🌀] untuk memilih [🌃] dan kemudian tekan butang [📷].
- Zum ditetapkan ke sudut lebar maksimum dan tidak boleh dilaraskan.

2 Pasangkan kamera dengan kukuh.

- Pasang kamera pada tripod atau ambil langkah lain untuk memastikan kamera tetap stabil dan mengelakkan goncangan kamera.

3 Tangkap.



- Tungguan akan berlaku sebelum anda boleh menangkap sekali lagi, kerana kamera akan memproses imej.



- Untuk melihat dengan lebih mudah, cuba pilih MENU ▶ tab [F2] ▶ [Paparan Malam] ▶ [On] (📖161) sebelum menangkap.
- Untuk cahaya bintang yang lebih cerah, pilih MENU (📖31) ▶ tab [📷5] ▶ [Tegas Bintang] ▶ [Tajam]. Untuk menekankan bintang yang cerah pada langit berbintang, tetapkan [Tegas Bintang] ke [Lembut]. Tetapan ini boleh menghasilkan tangkapan yang menarik perhatian dengan membesarkan bintang yang cerah sambil kurang menekankan pada bintang yang malap. Untuk menyahaktifkan pemrosesan cahaya bintang, pilih [Deaktif].
- Cuba tukar kepada mod fokus manual (📖86) untuk menentukan kedudukan fokus dengan lebih tepat sebelum menangkap.



- Anda juga boleh memilih mod penangkapan dengan memilih [🌃] dalam langkah 1 – 2 “Pemandangan Tertentu” (📖61), menyentuh [ISO] untuk mengakses skrin tetapan, menyentuh [🌃] dan kemudian menyentuh pilihan yang sama atau [SET].

Menangkap Jejak Bintang (Jejak Bintang)

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Jalur yang dicipta oleh pergerakan bintang merentasi langit dirakamkan dalam imej tunggal. Selepas menentukan kelajuan pengatur dan bilangan tangkapan, kamera menangkap secara berterusan. Sesi penangkapan boleh mengambil masa sehingga kira-kira dua jam. Periksa aras bateri terlebih dahulu.



1 Pilih [🌌].

- Ikuti langkah 1 – 2 dalam “Pemandangan Tertentu” (📖61) dan pilih [🌌] dan kemudian tekan butang [▲].
- Tekan butang [◀][▶] atau putar dail [🌀] untuk memilih [🌌] dan kemudian tekan butang [📷].
- Zum ditetapkan ke sudut lebar maksimum dan tidak boleh dilaraskan.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



2 Tentukan tempoh sesi penangkapan.

- Putar dail [🔧] untuk memilih tempoh penangkapan.

3 Pasangkan kamera dengan kukuh.

- Pasangkan kamera pada tripod atau ambil langkah lain untuk memastikannya stabil.

4 Tangkap.

- Tekan butang pengatup sepenuhnya ke bawah. [Sibuk] dipaparkan sebentar dan kemudian penangkapan bermula.
- Jangan ganggu kamera semasa menangkap.
- Untuk membatalkan penangkapan, tekan butang pengatup sepenuhnya ke bawah sekali lagi. Ambil perhatian bahawa pembatalan mungkin mengambil masa sehingga 60 saat.



- Jika kamera kehabisan kuasa, tangkapan berhenti dan kumpulan imej tercipta daripada imej yang diambil sehingga masa itu akan disimpan.
- Tungguan akan berlaku sebelum anda boleh menangkap sekali lagi, kerana kamera akan memproses imej.



- Untuk melihat dengan lebih mudah, cuba pilih MENU ► tab [F2] ► [Paparan Malam] ► [On] (📖161) sebelum menangkap.
- Cuba tukar kepada mod fokus manual (📖86) untuk menentukan kedudukan fokus dengan lebih tepat sebelum menangkap.



- Anda juga boleh memilih mod penangkapan dengan memilih [📷] dalam langkah 1 – 2 “Pemandangan Tertentu” (📖61), menyentuh [ISO] untuk mengakses skrin tetapan, menyentuh [📷] dan kemudian menyentuh pilihan yang sama atau [SET].

Merakamkan Filem Pergerakan Bintang (Filem Selang Masa Bintang)

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Dengan merekod filem selang masa yang menggabungkan imej yang ditangkap pada selang tertentu, anda boleh mencipta filem dengan bintang bergerak cepat. Anda boleh melaraskan selang penangkapan dan tempoh rakaman mengikut keperluan.

Ambil perhatian bahawa setiap sesi mengambil masa yang lama dan memerlukan banyak tangkapan. Periksa aras bateri dan ruang kosong kad memori terlebih dahulu.



1 Pilih [📷].

- Ikuti langkah 1 – 2 dalam “Pemandangan Tertentu” (📖61) dan pilih [📷] dan kemudian tekan butang [▲].
- Tekan butang [◀][▶] atau putar dail [🔧] untuk memilih [📷] dan kemudian tekan butang [SET].
- Zum ditetapkan ke sudut lebar maksimum dan tidak boleh dilaraskan.



2 Konfigurasikan tetapan filem.

- Tekan butang [DISP].
- Tekan butang [▲][▼] atau putar dail [🔧] untuk memilih item dan kemudian pilih pilihan yang diinginkan.

3 Pasangkan kamera dengan kukuh.

- Pasangkan kamera pada tripod atau ambil langkah lain untuk memastikannya stabil.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



4 Periksa kecerahan.

- Tekan butang pengatup sepenuhnya ke bawah untuk menangkap imej pegun tunggal.
- Tukar ke mod Main balik (📖106) dan periksa kecerahan imej.
- Untuk melaraskan kecerahan, putar dail pampasan pendedahan dan tukar aras pendedahan pada skrin penangkapan. Periksa kecerahan sekali lagi dengan mengambil tangkapan lain.



5 Tangkap.

- Tekan butang filem. [Sibuk] dipaparkan sebentar, kemudian penangkapan bermula.
- Jangan ganggu kamera semasa menangkap.
- Untuk membatalkan penangkapan, tekan butang filem sekali lagi. Ambil perhatian bahawa pembatalan mungkin mengambil masa sehingga 60 saat.
- Kamera beroperasi dalam mod Eko (📖161) semasa menangkap.

Item	Pilihan	Terperinci
Efek		Pilih efek filem, seperti jejak bintang.
Selang Tangkap	15 saat, 30 saat, 1 minit	Pilih selang bagi setiap tangkapan.
Kadar Bingkai	(NTSC) (PAL)	Pilih kadar bingkai filem.
Masa Tangkapan	60 min, 90 min, 120 min, Tak terhad	Pilih kepanjangan sesi rakaman. Untuk merakam sehingga bateri habis, pilih [Tak terhad].

Anggaran masa main balik berdasarkan selang penangkapan dan kadar bingkai (untuk sesi satu jam)

Waktu Selang antara Tangkapan	Kadar Bingkai		Masa Main balik
	NTSC	PAL	
15 saat	14.99	12.50	16 saat
15 saat	29.97	25.00	8 saat
30 saat	14.99	12.50	8 saat
30 saat	29.97	25.00	4 saat
1 minit	14.99	12.50	4 saat
1 minit	29.97	25.00	2 saat



- Tanguhan akan berlaku sebelum anda boleh menangkap sekali lagi, kerana kamera akan memproses imej.
- Jika kamera kehabisan kuasa bateri atau ruang kad memori, penangkapan berhenti dan filem yang dihasilkan dari imej sehingga ketika itu akan disimpan.
- Waktu selang penangkapan [1 min] tidak tersedia dengan kesan-kesan ini: atau .

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks





- Bunyi tidak dirakam.
- Untuk melihat dengan lebih mudah, cuba pilih MENU ► tab [F2] ► [Paparan Malam] ► [On] (161) sebelum menangkap.
- Anda juga boleh mengakses skrin dalam langkah 2 dengan memilih MENU (31) ► tab [5] ► [Settin Movie Sel-Masa Bintang].
- Untuk menyimpan setiap tangkapan sebelum filem dicipta, pilih MENU (31) ► tab [5] ► [Sim. x Pegun] ► [On]. Ambil perhatian bahawa setiap imej tersebut diuruskan sebagai kumpulan tunggal dan semasa main balik, hanya imej pertama dipaparkan. Untuk menunjukkan imej itu termasuk dalam satu kumpulan, [SET] dipaparkan di sebelah kiri bahagian atas skrin. Jika anda memadamkan satu imej daripada kumpulan (118), semua imej dalam kumpulan itu juga dipadamkan. Berhati-hati apabila memadam imej.
- Cuba tukar kepada mod fokus manual (86) untuk menentukan kedudukan fokus dengan lebih tepat sebelum menangkap.
- Walaupun anda menentukan [Tak terhad] dalam [Masa Tangkapan] dalam langkah 2 dan menggunakan kit penyesuai AC (dijual berasingan, 168), penangkapan akan berhenti selepas dalam 8 jam, yang paling panjang.



- Anda juga boleh memilih mod penangkapan dengan memilih [] dalam langkah 1 – 2 "Pemandangan Tertentu" (61), menyentuh [ISO] untuk mengakses skrin tetapan, menyentuh [] dan kemudian menyentuh pilihan yang sama atau [SET].

Melaraskan Warna

► Imej Pegun ► Filem

Warna boleh dilaraskan secara manual dalam mod [].



1 Pilih mod penangkapan.

- Pilih [] (70), [] (70) atau [] (71).

2 Pilih pelarasan warna.

- Tekan butang [] dan kemudian pilih [] dalam menu (30).

3 Laraskan tetapan.

- Tekan butang [⏮], pilih [🔑] dalam menu dan kemudian pilih [🔑] (sama ada menekan butang [◀|▶] atau memutar dail [⏮]). [🔑] dipaparkan.
- Untuk membatalkan perlindungan, pilih [Padam]. [🔑] tidak dipaparkan lagi.




- Imej yang dilindungi pada kad memori akan dipadamkan jika anda memformat kad (160).



- Imej yang dilindungi tidak boleh dipadam menggunakan fungsi pepadaman kamera. Untuk memadam imej tersebut dengan cara ini, batalkan perlindungan terlebih dahulu.

Menggunakan Menu



1 Akses skrin tetapan.

- Tekan butang [MENU] dan pilih [Lindung] pada tab [▶] 1 (131).

2 Pilih kaedah pemilihan.

- Pilih pilihan yang diingini (131).
- Untuk kembali ke skrin menu, tekan butang [MENU].

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



Memilih Imej secara Individu

1 Pilih [Pilih].

- Ikuti prosedur dalam “Menggunakan Menu” (116), pilih [Pilih] dan tekan butang [SET].




2 Pilih imej.

- Tekan butang [◀][▶] atau putar dail [⦿] untuk memilih imej dan kemudian tekan butang [SET]. [MENU] dipaparkan.
- Untuk membatalkan pemilihan, tekan butang [SET] sekali lagi. [MENU] tidak dipaparkan lagi.
- Ulangi proses ini untuk menentukan imej yang lain.

3 Lindungi imej.

- Tekan butang [MENU]. Mesej pengesahan dipaparkan.
- Tekan butang [◀][▶] atau putar dail [⦿] untuk memilih [OK] dan kemudian tekan butang [SET].



- Imej tidak akan dilindungi jika anda menukar kepada mod Penangkapan atau mematikan kamera sebelum menyelesaikan proses persediaan dalam langkah 3.



- Anda juga boleh memilih atau memadamkan imej dengan menyentuh skrin dalam langkah 2 dan anda boleh mengakses skrin pengesahan dengan menyentuh [MENU].
- Anda juga boleh melindungi imej dengan menyentuh [OK] pada skrin dalam langkah 3.

Memilih Julat

1 Pilih [Pilih Julat].

- Ikuti prosedur dalam “Menggunakan Menu” (116), pilih [Pilih Julat] dan tekan butang [SET].



2 Pilih imej permulaan.

- Tekan butang [SET].



- Tekan butang [◀][▶] atau putar dail [⦿] untuk memilih imej dan kemudian tekan butang [SET].



3 Pilih imej akhir.

- Tekan butang [▶] untuk memilih [Imej Terakhir] dan kemudian tekan butang [SET].



- Tekan butang [◀][▶] atau putar dail [⦿] untuk memilih imej dan kemudian tekan butang [SET].
- Imej sebelum imej pertama tidak boleh dipilih sebagai imej terakhir.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks





4 Lindungi imej.

- Tekan butang [▼] untuk memilih [Lindung] dan kemudian tekan butang [🔒].



- Anda juga boleh memilih imej pertama atau imej terakhir dengan memutar dail [🔴] ketika skrin atas dalam langkah 2 dan 3 dipaparkan.
- Untuk membatalkan perlindungan kumpulan imej, pilih [Membuka kunci] dalam langkah 4.



- Anda juga boleh memaparkan skrin untuk memilih imej pertama atau terakhir dengan menyentuh imej pada skrin atas dalam langkah 2 atau 3.
- Anda juga boleh melindungi imej dengan menyentuh [Lindung] pada skrin dalam langkah 4.


Melindungi Semua Imej Sekali gus

1 Pilih [Lindungi Semua Imej].

- Ikuti prosedur dalam “Menggunakan Menu” (📖 116), pilih [Lindungi Semua Imej] dan tekan butang [🔒].

2 Lindungi imej.

- Tekan butang [◀][▶] atau putar dail [🔴] untuk memilih [OK] dan kemudian tekan butang [🔒].



Membuang Semua Perlindungan Sekali gus

Anda boleh membuang perlindungan daripada semua imej sekali gus. Untuk membuang perlindungan, pilih [Nyahlindung Semua Imej] dalam langkah 1 “Melindungi Semua Imej Sekali gus” dan kemudian lengkapkan langkah 2.

Memadamkan Imej

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Anda boleh memilih dan memadamkan imej yang tidak diperlukan satu demi satu. Berhati-hati apabila memadam imej, kerana imej yang dipadam tidak boleh dikembalikan. Walau bagaimanapun, imej yang dilindungi (📖 116) tidak boleh dipadamkan.

1 Pilih imej untuk dipadamkan.

- Tekan butang [◀][▶] atau putar dail [🔴] untuk memilih imej.



2 Padam imej.

- Tekan butang [🗑️].
- Selepas [Padam?] dipaparkan, tekan butang [◀][▶] atau putar dail [🔴] untuk memilih [Padam] dan kemudian tekan butang [🔒].
- Imej semasa kini dipadamkan.
- Untuk membatalkan pemadaman, tekan butang [◀][▶] atau putar dail [🔴] untuk memilih [Batal] dan kemudian tekan butang [🔒].



- Untuk imej yang ditangkap dalam kedua-dua format RAW dan JPEG, menekan butang [🗑️] semasa imej dipaparkan memberi anda pilihan untuk memilih [Padam RAW], [Padam JPEG] atau [Padam RAW+JPEG].



- Anda juga boleh memadamkan imej semasa dengan menyentuh [Padam] pada skrin dalam langkah 2.
- Imej juga boleh dipadamkan melalui Tindakan Sentuh (📖 123).

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



Memadamkan Berbilang Imej Sekali gus


Anda boleh memilih berbilang imej untuk dipadamkan sekali gus. Berhati-hati apabila memadam imej, kerana imej yang dipadam tidak boleh dikembalikan. Walau bagaimanapun, imej yang dilindungi (🔒 116) tidak boleh dipadamkan.

Memilih Kaedah Pemilihan



1 Akses skrin tetapan.

- Tekan butang [MENU] dan kemudian pilih [Padam] pada tab [▶1] (📖 31).



2 Pilih kaedah pemilihan.

- Tekan butang [▲][▼] atau putar dail [🌀] untuk memilih kaedah pilihan dan kemudian tekan butang [📌].
- Untuk kembali ke skrin menu, tekan butang [MENU].

Memilih Imej secara Individu




1 Pilih [Pilih].

- Ikuti prosedur dalam “Memilih Kaedah Pemilihan” (📖 119), pilih [Pilih] dan tekan butang [📌].

2 Pilih imej.

- Sebaik sahaja anda memilih imej mengikut langkah 2 dalam “Memilih Imej secara Individu” (📖 117), [✓] akan dipaparkan.
- Untuk membatalkan pemilihan, tekan butang [📌] sekali lagi. [✓] tidak dipaparkan lagi.
- Ulangi proses ini untuk menentukan imej yang lain.



3 Padam imej.

- Tekan butang [MENU]. Mesej pengesahan dipaparkan.
- Tekan butang [◀][▶] atau putar dail [🌀] untuk memilih [OK] dan kemudian tekan butang [📌].



- Memilih imej yang ditangkap dalam kedua-dua format RAW dan JPEG akan memadamkan kedua-dua versi.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks




Memilih Julat

1 Pilih [Pilih Julat].

- Ikuti prosedur dalam "Memilih Kaedah Pemilihan" (📖 119), pilih [Pilih Julat] dan tekan butang [📏].

2 Pilih imej.

- Ikuti langkah 2 – 3 dalam "Memilih Julat" (📖 117) untuk menentukan imej.




3 Padam imej.

- Tekan butang [▼] untuk memilih [Padam] dan kemudian tekan butang [📏].

Menentukan Semua Imej Sekali gus

1 Pilih [Pilih semua imej].

- Ikuti prosedur dalam "Memilih Kaedah Pemilihan" (📖 119), pilih [Pilih semua imej] dan tekan butang [📏].




2 Padam imej.

- Tekan butang [⏪][▶] atau putar dail [🎚️] untuk memilih [OK] dan kemudian tekan butang [📏].

Memutar Imej

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Ubah orientasi imej dan simpannya seperti berikut.



1 Pilih [📏].

- Tekan butang [📏] dan kemudian pilih [📏] dalam menu (📖 30).



2 Putar imej.

- Tekan butang [⏪] atau [▶], bergantung pada arah yang diinginkan. Setiap kali anda menekan butang, imej diputar sebanyak 90°. Tekan butang [📏] untuk melengkapkan tetapan.



- Putaran tidak berfungsi apabila [Putaran Auto] ditetapkan kepada [Padam] (📖 121).

Menggunakan Menu



1 Pilih [Putar].

- Tekan butang [MENU] dan pilih [Putar] pada tab [▶] 1 (📖 31).

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi


Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks





2 Putar imej.


- Tekan butang [◀][▶] atau putar dail [🌀] untuk memilih imej.
- Imej diputar sebanyak 90° setiap kali anda menekan butang [🌀].
- Untuk kembali ke skrin menu, tekan butang [MENU].



- Pada skrin dalam langkah 2, anda juga boleh menyentuh [SET] untuk memutar imej atau menyentuh [MENU] untuk kembali ke skrin menu.

Menyahaktifkan Putaran Auto

Ikuti langkah ini untuk menyahaktifkan putaran imej automatik, yang memutar imej mengikut orientasi semasa kamera.



- Tekan butang [MENU], pilih [Putaran Auto] pada tab [▶]5 dan kemudian pilih [Padam] (📖31).



- Imej tidak boleh diputar (📖120) apabila anda menetapkan [Putaran Auto] kepada [Padam]. Selain itu, imej yang telah diputar akan dipaparkan dalam orientasi asal.

Mengetag Imej sebagai Kesukaan

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Anda boleh menyusun imej dengan mengetag imej tersebut sebagai kesukaan. Dengan memilih kategori dalam paparan penurasan, anda boleh menghadkan operasi berikut kepada semua imej tersebut.

- “Melihat” (📖106), “Melihat Tayangan Slaid” (📖115), “Melindungi Imej” (📖116), “Memadamkan Imej” (📖118), “Menambahkan Imej ke Senarai Cetak (DPOF)” (📖183), “Menambah Imej ke Buku Foto” (📖185).



- Tekan butang [🌀] dan kemudian pilih [★] dalam menu (📖30).
- Untuk membatalkan tag, ulangi proses ini dan pilih [Padam] dan kemudian tekan butang [🌀].

Menggunakan Menu

1 Pilih [Kesukaan].

- Tekan butang [MENU] dan pilih [Kesukaan] pada tab [▶]1 (📖31).



2 Pilih imej.

- Tekan butang [◀][▶] atau putar dail [🌀] untuk memilih imej dan kemudian tekan butang [🌀]. [★] dipaparkan.
- Untuk membatalkan tag imej tersebut, tekan butang [🌀] sekali. [★] tidak dipaparkan lagi.
- Ulangi proses ini untuk memilih imej tambahan.



Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi


Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks





3 Tamatkan proses persediaan.

- Tekan butang [MENU]. Mesej pengesahan dipaparkan.
- Tekan butang [◀][▶] atau putar dail [⦿] untuk memilih [OK] dan kemudian tekan butang [⦿].



- Imej tidak akan ditagkan sebagai kesukaan jika anda menukar kepada mod Penangkapan atau mematikan kamera sebelum menyelesaikan proses persediaan dalam langkah 3.




- Mengetag imej sebagai kesukaan memudahkan lagi untuk menambahkan imej apabila mencipta album (📖130).
- Imej kesukaan akan mempunyai penarafan tiga bintang (★★★☆☆) apabila dipindahkan ke komputer yang menggunakan Windows 8 atau Windows 7. (Tidak digunakan untuk filem atau imej RAW.)



- Anda juga boleh memilih atau memadamkan imej semasa dengan menyentuh skrin dalam langkah 2.
- Imej juga boleh ditagkan sebagai kesukaan dengan menggunakan Tindakan Sentuh (📖123).

Kawalan Mudah: Butang yang Ditetapkan

Anda boleh mengaktifkan fungsi yang anda tetapkan pada butang [↵] dengan cepat dan mudah.



1 Pilih [Set Butang Pintasan].

- Tekan butang [MENU] dan pilih [Set Butang Pintasan] pada tab [▶]6 (📖31).

2 Konfigurasikan tetapan.

- Tekan butang [◀][▶] atau putar dail [⦿] untuk memilih kaedah untuk ditetapkan dan kemudian tekan butang [⦿].

3 Gunakan fungsi ditetapkan mengikut keperluan.

- Tekan butang [↵] untuk mengaktifkan fungsi ditetapkan.



- Untuk mengembalikan tetapan lalai, pilih [↵].
- Menekan butang [↵] dengan [🖨] yang ditetapkan apabila kamera tidak disambungkan ke pencetak akan menambahkan imej ke senarai cetak. Apabila kamera disambungkan ke pencetak, menekan butang memulakan pencetakan.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks




Kawalan Mudah: Tindakan Sentuh


► Imej Pegun ► Filem

Anda boleh mengaktifkan fungsi yang telah anda tetapkan pada empat isyarat sentuh (Tindakan Sentuh), dalam paparan imej tunggal, dengan cepat dan mudah.

Menggunakan Fungsi Tindakan Sentuh



- Seret melintasi skrin seperti yang ditunjukkan.
- Fungsi yang ditetapkan ke [↶] telah diaktifkan sekarang.




- Begitu juga, anda juga boleh mengaktifkan fungsi yang ditetapkan ke [↷], [↵] dan [↶] dengan menyeret melintasi skrin.
- Suaikan fungsi yang ditetapkan ke Tindakan Sentuh seperti yang diinginkan.

Menukar Fungsi Tindakan Sentuh

Untuk memudahkan operasi kamera yang anda suka, tetapkan semula corak seretan pada operasi tersebut seperti yang diinginkan.

1 Akses skrin tetapan.

- Tekan butang [MENU] dan kemudian pilih [Set Touch Actions] pada tab [6] (31).



2 Tetapkan fungsi pada Tindakan Sentuh.

- Tekan butang [▲][▼] atau putar dail [0] untuk memilih corak seretan dan kemudian tekan butang [0].
- Tekan butang [▲][▼] atau putar dail [0] untuk memilih fungsi untuk ditetapkan.

Fungsi yang Boleh Ditetapkan

Kesukaan	Tag imej sebagai kesukaan atau batal tag imej.
Kegemaran berikut	Tukar untuk memaparkan imej berikutnya yang ditagkan sebagai kesukaan.
Kegemaran seblm	Tukar untuk memaparkan imej sebelumnya yang ditagkan sebagai kesukaan.
Hb berikut	Tukar untuk memaparkan imej pertama dengan tarikh tangkapan seterusnya.
Hb sebelum	Tukar untuk memaparkan imej pertama dengan tarikh tangkapan sebelumnya.
Pd kamera	Akses skrin sambungan Wi-Fi. Untuk maklumat Wi-Fi, lihat "Fungsi Wi-Fi" (133).
Pd Telefon Bijak	
Pd Komputer	
Pd Printer	
Pd Servis Web	
Transisi Slaid	Mulakan tayangan slaid.
Padam	Padam imej.
Lindung	Lindungi imej atau batalkan perlindungan.
Putar	Putar imej.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



Mengedit Imej Pegun



- Pengeditan imej (📄124 – 📄127) hanya tersedia apabila kad memori mempunyai ruang kosong yang mencukupi.



- Untuk mengakses skrin untuk pelbagai pengeditan, pilih fungsi edit dengan [MENU], sentuh satu imej dan kemudian sentuh [SET].
- Apabila [MENU] dipaparkan pada skrin pengeditan, anda boleh menyentuh [MENU] dan bukannya menekan butang [MENU], jika anda suka.
- Apabila [SET] dipaparkan pada skrin pengeditan, anda boleh menyentuh [SET] dan bukannya menekan butang [SET], jika anda suka.

Menukar Saiz Imej

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Simpan salinan imej pada bilangan piksel yang rendah.




1 Pilih saiz imej.

- Tekan butang [📄], pilih [📄] dalam menu dan pilih saiz imej (📄30).
- Tekan butang [📄].



2 Simpan imej baru.

- Selepas [Simpan imej baru?] dipaparkan, tekan butang [⏪][⏩] atau putar dail [🌀] untuk memilih [OK] dan kemudian tekan butang [📄].
- Imej kini disimpan sebagai fail baru.



3 Semak imej baru.

- Tekan butang [⏪][⏩] atau putar dail [🌀] untuk memilih [Ya] dan kemudian tekan butang [📄].
- Imej yang disimpan kini dipaparkan.



- Pengeditan tidak boleh dilakukan untuk imej yang ditangkap pada tetapan piksel [S].
- Imej RAW tidak boleh diedit.




- Imej tidak boleh ditukar saiznya ke bilangan piksel yang lebih tinggi.



- Anda juga boleh melihat imej yang disimpan dengan menyentuh [Ya] pada skrin dalam langkah 3.

Menggunakan Menu



1 Pilih [Tukar Saiz].

- Tekan butang [MENU] dan pilih [Tukar Saiz] pada tab [▶3] (📄31).

2 Pilih imej.

- Tekan butang [⏪][⏩] atau putar dail [🌀] untuk memilih imej dan kemudian tekan butang [📄].

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks





3 Pilih saiz imej.

- Tekan butang [◀|▶] atau putar dail [🌀] untuk memilih saiz dan kemudian tekan butang [📏].

4 Simpan sebagai imej baru dan semak.

- Ikuti langkah 2 dalam “Menukar Saiz Imej” (📖 124).
- Tekan butang [MENU] dan kemudian ikuti langkah 3 dalam “Menukar Saiz Imej” (📖 124).

Memotong

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Anda boleh menentukan satu bahagian daripada imej untuk disimpan sebagai fail imej berasingan.

1 Akses skrin tetapan.

- Tekan butang [📏], pilih [📏] dalam menu dan kemudian tekan butang [📏] (📖 30).



2 Tukar saiz, gerakkan dan laraskan nisbah bidang bingkai pemotongan.

- Untuk menukar saiz bingkai, gerakkan tuas zum.
- Untuk menggerakkan bingkai, tekan butang [▲][▼][◀][▶].
- Untuk menukar orientasi bingkai, putar dail [🌀] untuk memilih [📏] dan kemudian tekan butang [📏].
- Untuk menukar nisbah bidang bingkai, putar dail [🌀] untuk memilih [📏]. Untuk menukar antara nisbah bidang (3:2, 16:9, 4:3 dan 1:1), tekan butang [📏] berulang kali.



3 Pratonton imej yang dipotong.

- Putar dail [🌀] untuk memilih [E-].
- Untuk menukar paparan antara imej yang dipotong dan bingkai pemotongan, tekan butang [📏] berulang kali.

4 Simpan sebagai imej baru dan semak.

- Putar dail [🌀] untuk memilih [L-] dan kemudian tekan butang [📏].
- Ikuti langkah 2 – 3 dalam “Menukar Saiz Imej” (📖 124).



- Pengeditan tidak boleh dilakukan bagi imej yang ditangkap pada tetapan piksel [S] atau ditukar saiz ke [S] (📖 124).
- Imej RAW tidak boleh diedit.
- Imej yang dipotong tidak boleh dipotong lagi.
- Imej yang dipotong tidak boleh ditukar saiz.



- Imej yang dipotong akan mempunyai bilangan piksel yang lebih rendah daripada imej yang tidak dipotong.
- Semasa pratonton imej yang dipotong dalam langkah 3, anda boleh menukar saiz, menggerakkan dan melaraskan nisbah bidang bingkai pemotongan.
- Operasi dalam langkah 2 juga boleh dilakukan dengan menekan butang [MENU], memilih tab [▶3] ▶ [Memotong], menekan butang [📏], memilih imej dan menekan butang [📏] sekali lagi.
- Jika anda memotong imej yang ditangkap menggunakan ID Wajah (📖 48), hanya nama orang yang tertinggal dalam imej yang dipotong akan kekal.



- Anda juga boleh menggerakkan bingkai pemotongan dalam langkah 2 dengan menyeretnya. Anda juga boleh menukar saiz bingkai dengan mendekatkan atau menjauhkan jari (📖 115) pada skrin.
- Operasi juga boleh dilakukan dengan menyentuh [E-], [L-], [📏] dan [L-] pada bahagian atas skrin dalam langkah 2.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran


Indeks



Menukar Ton Warna Imej (Warna Saya)

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Anda boleh melaraskan warna imej dan menyimpan imej yang telah diedit sebagai fail berasingan. Untuk butiran bagi setiap pilihan, lihat “Menukar Ton Warna Imej (Warna Saya)” (85).




1 Pilih [My Colors].

- Tekan butang [MENU] dan kemudian pilih [My Colors] pada tab [3]. (31).

2 Pilih imej.

- Tekan butang [◀][▶] atau putar dail [⊙] untuk memilih imej dan kemudian tekan butang [SET].



3 Pilih pilihan.

- Tekan butang [◀][▶] atau putar dail [⊙] untuk memilih pilihan dan kemudian tekan butang [SET].

4 Simpan sebagai imej baru dan semak.

- Ikuti langkah 2 – 3 dalam “Menukar Saiz Imej” (124).



- Kualiti imej yang diedit berulang kali dengan cara ini akan berkurangan setiap kali diedit dan anda mungkin tidak boleh mendapatkan warna yang diinginkan.
- Warna imej RAW tidak boleh diedit.



- Warna imej yang diedit menggunakan fungsi ini mungkin berbeza sedikit daripada warna imej yang ditangkap menggunakan Warna Saya (85).




- Anda juga boleh mengkonfigurasi tetapan ini dengan menyentuh pilihan pada skrin dalam langkah 3 dan kemudian sentuhnya sekali lagi.

Membetulkan Kecerahan Imej (i-Contrast)

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Kawasan imej gelap yang berlebihan (seperti wajah atau latar belakang) boleh dikesan dan dilaraskan secara automatik kepada kecerahan optimum. Kontras imej keseluruhan yang tidak mencukupi juga dibetulkan secara automatik untuk membuatkan subjek lebih menonjol. Pilih daripada empat tahap pembetulan dan kemudian simpan imej sebagai fail berasingan.



1 Pilih [i-Contrast].

- Tekan butang [MENU] dan kemudian pilih [i-Contrast] pada tab [3] (31).

2 Pilih imej.


- Tekan butang [◀][▶] atau putar dail [⊙] untuk memilih imej dan kemudian tekan butang [SET].

3 Pilih pilihan.

- Tekan butang [◀][▶] atau putar dail [⊙] untuk memilih pilihan dan kemudian tekan butang [SET].

4 Simpan sebagai imej baru dan semak.

- Ikuti langkah 2 – 3 dalam “Menukar Saiz Imej” (124).



Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks





- Bagi sesetengah imej, pembetulan mungkin tidak tepat atau mungkin menyebabkan imej kelihatan berbintik.
- Imej mungkin kelihatan berbintik setelah diedit berulang kali menggunakan fungsi ini.
- Imej RAW tidak boleh diedit dengan cara ini.



- Jika [Auto] tidak menghasilkan hasil yang diinginkan, cuba betulkan imej menggunakan [Rendah], [Sederhana] atau [Tinggi].




- Anda juga boleh menetapkan tetapan ini dengan menyentuh [Koreksi Mata Merah] pada skrin dalam langkah 3.

Membetulkan Mata Merah

▶ **Imej Pegun** ▶ **Filem**

Membetulkan imej yang dipengaruhi oleh mata merah secara automatik. Anda boleh menyimpan imej yang telah dibetulkan sebagai fail berasingan.



1 Pilih [Koreksi Red-Eye].

- Tekan butang [MENU] dan kemudian pilih [Koreksi Red-Eye] pada tab [▶] 3 (📖31).

2 Pilih imej.

- Tekan butang [◀][▶] atau putar dail [🌀] untuk memilih imej.



- Sesetengah imej mungkin tidak dibetulkan dengan tepat.
- Untuk menulis ganti imej asal dengan imej yang dibetulkan, pilih [Simpan pd asal] dalam langkah 4. Dalam keadaan ini, imej asal akan dipadam.
- Imej dilindungi tidak boleh ditulis ganti.
- Imej RAW tidak boleh diedit dengan cara ini.
- Pembetulan mata merah boleh digunakan untuk imej JPEG yang ditangkap dalam format RAW, tetapi imej asal tidak boleh ditulis ganti.



- Anda boleh menyimpan imej dengan menyentuh [Fail Baru] atau [Simpan pd asal] pada skrin dalam langkah 4.

3 Betulkan imej.

- Tekan butang [🌀].
- Mata merah yang dikesan oleh kamera kini telah dibetulkan dan bingkai dipaparkan di sekeliling kawasan imej yang dibetulkan.
- Besarkan atau kecilkan imej mengikut keperluan. Ikuti langkah dalam "Membesarkan Imej" (📖115).

4 Simpan sebagai imej baru dan semak.

- Tekan butang [▲][▼][◀][▶] atau putar dail [🌀] untuk memilih [Fail Baru] dan kemudian tekan butang [📁].
- Imej kini disimpan sebagai fail baru.
- Tekan butang [MENU] dan kemudian ikuti langkah 3 dalam "Menukar Saiz Imej" (📖124).

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran


Indeks



Mengedit Filem

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Anda boleh membuang bahagian yang tidak diperlukan dari bahagian awal atau akhir filem (tidak termasuk filem ikhtisar, 137).




1 Pilih [✂].

- Ikuti langkah 1 – 5 dalam “Melihat” (106), pilih [✂] dan tekan butang [OK].
- Panel dan bar pengeditan filem kini dipaparkan.

(1)

2 Tentukan bahagian untuk dipotong.

- (1) ialah panel mengedit filem dan (2) ialah bar mengedit. Tekan butang [▲][▼] untuk memilih [⏪] atau [⏩].
- Untuk melihat bahagian yang boleh anda potong (dikenal pasti dengan [⏪] pada skrin), tekan butang [◀][▶] atau putar dail [⏪] untuk menggerakkan [⏪]. Potong bahagian permulaan filem (dari [⏪]) dengan memilih [⏪] dan potong bahagian akhir filem dengan memilih [⏩].
- Jika anda memindahkan [⏪] ke posisi selain tanda [⏪], dalam [⏪] bahagian sebelum tanda [⏪] terdekati pada sebelah kiri akan dipotong, sementara pada [⏩] bahagian setelah tanda [⏪] terdekati pada sebelah kanan akan dipotong.



(2)



- Untuk menulis ganti filem asal dengan filem yang dipotong, pilih [Simpan pd asal] dalam langkah 4. Dalam keadaan ini, filem asal akan dipadamkan.
- Jika ruang penyimpanan pada kad memori tidak mencukupi, hanya [Simpan pd asal] yang akan tersedia.
- Filem mungkin tidak disimpan jika pek bateri kehabisan kuasa ketika proses penyimpanan sedang berjalan.
- Apabila mengedit filem, anda harus menggunakan pek bateri yang dicas sepenuhnya atau kit penyesuai AC (dijual berasingan, 168).



- Anda juga boleh mengedit filem dengan menyentuh panel pengeditan filem atau bar pengeditan.

3 Semak filem yang telah diedit.

- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih [▶] dan kemudian tekan butang [OK]. Filem yang diedit kini dimainkan.
- Untuk mengedit filem sekali lagi, ulangi langkah 2.
- Untuk membatalkan pengeditan, tekan butang [MENU], pilih [Ok] (sama ada tekan butang [◀][▶] atau putar dail [⏪]) dan kemudian tekan butang [OK].

4 Simpan filem yang diedit.

- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih [⏪] dan kemudian tekan butang [OK].
- Tekan butang [▲][▼][◀][▶] atau putar dail [⏪] untuk memilih [Fail Baru] dan kemudian tekan butang [OK].
- Pilih [SimpanXMampat] dan kemudian tekan butang [OK].
- Filem ini kini disimpan sebagai fail baru.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



Mengecilkan Saiz Fail

Saiz fail file boleh dikurangkan dengan memampat file seperti berikut.



- Pada skrin dalam langkah 2 “Mengedit filem”, pilih [F]. Pilih [Fail Baru] dan kemudian tekan butang [OK].
- Pilih [Mampat&Simpan] dan kemudian tekan butang [OK].

Kualiti Imej Filem yang Dimampat

Sebelum Pemampatan	Selepas Pemampatan
FHD 59.94P, FHD 29.97P	FHD 29.97P
FHD 23.98P	FHD 23.98P
FHD 50.00P, FHD 25.00P	FHD 25.00P



- Filem [FHD 29.97P] [FHD 25.00P] tidak boleh dimampat.
- Filem yang diedit tidak boleh disimpan dalam format mampat apabila anda memilih [Simpan pd asal].
- Memampatkan filem kepada [FHD 29.97P] atau [FHD 25.00P] mengurangkan saiz fail sambil mengekalkan kualiti imej yang sama.

Mengedit Filem Ikhtisar

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Bab individu (klip) (📖37) yang dirakam dalam mod [📷] boleh dipadamkan, jika perlu. Berhati-hati apabila memadam klip, kerana klip yang dipadam tidak boleh dikembalikan.



1 Pilih klip untuk dipadam.

- Mainkan filem yang dirakam dalam mod [📷] seperti yang diterangkan dalam “Melihat Filem Pendek yang Dicipta Apabila Menangkap Imej Pegun (Filem Ikhtisar)” (📖109) dan kemudian tekan butang [📷] untuk mengakses panel kawalan filem.
- Tekan butang [⏪] [▶] atau putar dail [🕒] untuk memilih [⏪] atau [▶] dan kemudian tekan butang [📷].

2 Pilih [📷].

- Tekan butang [⏪] [▶] atau putar dail [🕒] untuk memilih [📷] dan kemudian tekan butang [📷].
- Klip yang dipilih dimainkan balik berulang kali.

3 Sahkan pepadaman.

- Tekan butang [⏪] [▶] atau putar dail [🕒] untuk memilih [OK] dan kemudian tekan butang [📷].
- Klip ini dipadam dan filem pendek ditulisi ganti.



- [📷] tidak dipaparkan jika anda memilih klip apabila kamera disambungkan ke pencetak.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



Melihat Album (Sorotan Kisah)

► Imej Pegun ► Filem



Anda boleh memilih tema seperti tarikh atau nama orang untuk mencipta album bagi imej yang sepadan dengan tema itu yang dipilih secara automatik. Imej-imej ini digabungkan menjadi tayangan slaid yang dapat disimpan sebagai filem pendek sepanjang 2 – 3 minit.

Sebelum menggunakan ciri ini, pastikan pek bateri telah dicas sepenuhnya. Mencipta album juga memerlukan ruang kosong yang cukup pada kad memori. Sebagai garis panduan, gunakan kad memori dengan kapasiti 16GB atau yang lebih tinggi dan pastikan ada sekurang-kurangnya ruang kosong sebanyak 1GB.

Memilih Tema untuk Album

Tekan butang [▼] untuk mengakses skrin utama dan pilih tema untuk digunakan kamera apabila memilih unsur album. Ambil perhatian bahawa kamera mungkin menambahkan imej yang ditandakan sebagai kesukaan (📖121) ke album.

Hb	Mencipta album dengan menggunakan imej yang ditangkap pada hari yang sama. Imej dipilih daripada imej yang ditangkap pada hari yang sama sebagai imej yang dipaparkan sebelum anda mengakses skrin utama.
Nama orang	Boleh digunakan untuk mencipta album bulanan bagi orang, seperti album kanak-kanak ketika mereka membesar. Subjek yang maklumat ID Wajahnya telah anda daftar sebelum penangkapan boleh dipilih untuk album. Imej yang dipilih adalah imej yang mempunyai subjek yang sama ditangkap pada bulan yang sama sebagai imej yang dipaparkan sebelum anda mengakses skrin utama.
Acara	Pilihan yang baik untuk album percutian, parti, atau acara lain. Imej dipilih daripada imej yang ditangkap ketika acara sebelum dan selepas imej yang dipaparkan sebelum anda mengakses skrin utama.
Kustomisasi	Termasuk imej yang berdasarkan imej, tarikh atau orang berdaftar dalam ID wajah yang anda tentukan.



1 Pilih imej.

- Pilih imej dalam paparan imej tunggal.
- Tema tersedia dalam langkah 3 akan berbeza bergantung pada tarikh imej ditangkap dan maklumat ID Wajah.

2 Akses skrin utama.

- Tekan butang [▼].
- Selepas [Sibuk] dipaparkan, skrin utama dipaparkan.

3 Pratonton album.

- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih orang atau [Hb] atau [Acara] sebagai tema album dan kemudian tekan butang [📖].
- Selepas [Pemuatan] dipaparkan untuk beberapa saat, album akan dimainkan.

4 Simpan album.

- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih [Simpan Album sebagai Video] dan kemudian tekan butang [📖].
- Sebaik sahaja album disimpan, [Disimpan] dipaparkan.

5 Mainkan album (📖106).

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks





- Album boleh mengandungi imej berikut yang ditangkap oleh kamera.
 - Imej pegun
 - Filem ikhtisar (📖37)
 - Klip pendek dengan masa main balik selama dua saat atau lebih panjang (📖76)



- Album tidak dapat disimpan kecuali ada ruang yang mencukupi pada kad memori.
- Anda boleh menentukan kesan warna dalam langkah 4 dengan memilih [Tukar Efek Warna] dan menekan butang [🎨]. Untuk pratonton bagaimana album kelihatan dengan menggunakan kesan yang anda pilih, pilih [Papar Album Sekali Lagi] pada skrin dalam langkah 4 selepas menekan butang [⏮][⏭] untuk memilih kesan warna dan menekan butang [🎨].
- Untuk memainkan album yang disimpan, pilih [Senarai Album] pada skrin utama Sorotan Kisah, tekan butang [🎨], pilih album yang tersenarai dan tekan butang [🎨] sekali lagi.


Menambah Muzik Latar Belakang ke Album

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Pilih dari tiga jenis muzik latar belakang untuk dimain semasa main balik album.

1 Daftar muzik latar belakang pada kad memori.

- Ikuti langkah 1 – 4 dalam “Melihat Album (Sorotan Kisah)” (📖130), pilih [Tetapan Muzik] dan tekan butang [🎨].



- Skrin pada sebelah kiri dipaparkan apabila anda menggunakan kad memori yang baharu atau diformat baru-baru ini. Pilih [Ok] (sama ada tekan butang [⏮][⏭] atau putar dail [🎯]), tekan butang [🎨], dan tunggu kira-kira satu minit dan setengah sehingga tiga jenis muzik didaftarkan pada kad.
- Apabila menggunakan kad memori yang sudah terdapat muzik didaftarkan padanya, pergi ke langkah 2.

2 Cipta album.

- Ikuti langkah 1 – 3 dalam “Melihat Album (Sorotan Kisah)” (📖130) untuk mencipta album.

3 Konfigurasi tetapan muzik latar belakang.

- Tekan butang [▲][▼] atau putar dail [🎯] untuk memilih item yang diinginkan, tekan butang [🎨] dan kemudian tekan butang [▲][▼] atau putar dail [🎯] untuk memilih pilihan (📖31).

4 Simpan album.

- Ikuti langkah 4 dalam “Melihat Album (Sorotan Kisah)” (📖130) untuk menyimpan album.



- Sebaik sahaja album disimpan, muzik latar belakang tidak boleh ditambah selepas itu. Muzik latar belakang dalam album tidak boleh dipadam atau ditukar.
- Bab album dengan muzik latar belakang tidak boleh diedit (📖129).

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks





- Jika anda lebih suka tidak menambah muzik latar belakang, tetapkan [Tambah BGM] kepada [Tdk] pada skrin dalam langkah 3.
- Untuk menggunakan hanya muzik latar belakang bukan audio filem, tetapkan [Pengadun Audio] kepada [BGM sahaja] pada skrin dalam langkah 3.
- Untuk mendengar contoh muzik latar belakang yang dipilih dalam [Jejak], pilih [BGM sampel] pada skrin dalam langkah 3 dan tekan butang [🔊].

Mencipta Album Sendiri

► Imej Pegun ► Filem

Cipta album sendiri anda dengan memilih imej yang diinginkan.

1 Pilih untuk mencipta Album tersuai.



- Ikuti langkah 1 – 3 dalam “Melihat Album (Sorotan Kisah)” (📖130), pilih [Kustomisasi] dan tekan butang [🔊].

2 Pilih kaedah pemilihan.

- Pilih [Pilihan Imej], [Pilihan Tarikh], atau [Pilihan Orang] dan tekan butang [🔊].

3 Pilih unsur album.

- Sebaik sahaja anda memilih unsur untuk album anda dan tekan butang [🔊], unsur yang anda pilih akan ditambah label [✓].
- Tekan butang [MENU] selepas anda selesai memilih imej pegun, filem ikhtisar atau klip pendek dalam [Pilihan Imej], tarikh dalam [Pilihan Tarikh] atau orang dalam [Pilihan Orang].
- Tekan butang [⏮] [⏭] atau putar dail [🔄] untuk memilih [Papar] dan kemudian tekan butang [🔊].



4 Pilih muzik latar belakang.

- Apabila skrin di sebelah kiri dipaparkan, pilih [Tetapan Muzik]. Tambah muzik latar belakang seperti yang diterangkan dalam “Menambah Muzik Latar Belakang ke Album” (📖131) dan kemudian tekan butang [MENU].

5 Pilih kesan warna.

- Pada skrin dalam langkah 4 bagi “Melihat Album (Sorotan Kisah)” (📖130), pilih [Tukar Efek Warna].
- Tekan butang [⏮] [⏭] untuk memilih kesan warna dan kemudian tekan butang [🔊].

6 Simpan album.

- Ikuti langkah 4 dalam “Melihat Album (Sorotan Kisah)” (📖130) untuk menyimpan album.



- Sehingga 40 imej boleh dipilih jika anda memilih [Pilihan Imej]. Kali kedua anda mencipta album tersuai, [Pilih imej berdasarkan pada setin sebelumnya?] dipaparkan. Untuk menggunakan imej yang dipilih sebelum ini sebagai asas, pilih [Ya]. Imej sebelum ini dilabelkan dengan [✓] dan berbilang gambar dipaparkan segera.
- Sehingga 15 tarikh boleh dipilih jika anda memilih [Pilihan Tarikh].
- Kesan warna mungkin tidak akan diaplikasikan pada sesetengah imej.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



Fungsi Wi-Fi

Menghantar imej secara wayarles dari kamera ke pelbagai peranti yang serasi dan menggunakan kamera dengan perkhidmatan Web

Ciri Wi-Fi Tersedia

Anda boleh menghantar dan menerima imej dan mengawal kamera secara kawalan jauh dengan menyambungkannya ke peranti dan perkhidmatan melalui Wi-Fi.

- **Telefon Pintar dan Tablet**
Hantar imej ke telefon pintar dan komputer tablet yang mempunyai fungsi Wi-Fi. Anda juga boleh menangkap secara kawalan jauh dan menambah geotag pada tangkapan anda melalui telefon pintar atau tablet.
Untuk kemudahan dalam manual ini, telefon pintar, tablet dan peranti serasi yang lain akan dirujuk sebagai “telefon pintar”.
- **Komputer**
Gunakan perisian untuk menyimpan imej kamera ke komputer yang disambungkan melalui Wi-Fi.
- **Perkhidmatan Web**
Tambah maklumat akaun anda ke kamera untuk perkhidmatan fotografi dalam talian CANON iMAGE GATEWAY atau perkhidmatan Web yang lain untuk menghantar imej kamera ke perkhidmatan tersebut. Imej pada kamera yang tidak dihantar juga boleh dihantar ke komputer atau perkhidmatan Web melalui CANON iMAGE GATEWAY.
- **Pencetak**
Hantar imej secara wayarles ke pencetak serasi PictBridge (menyokong DPS over IP) untuk mencetak imej tersebut.
- **Kamera Lain**
Menghantar imej secara wayarles antara kamera Canon serasi Wi-Fi.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



Menghantar Imej ke Telefon Pintar

Terdapat beberapa cara untuk menyambungkan kamera ke telefon pintar dan menghantar imej.

- Sambungkan melalui NFC (📖134)
Hanya sentuh telefon pintar Android serasi NFC (versi OS 4.0 atau lebih baru) dengan kamera untuk menyambungkan peranti.
- Sambungkan ke peranti yang ditetapkan pada butang 📱 (📖136)
Hanya tekan butang 📱 untuk menyambung peranti. Ini mempermudah penghantaran imej ke telefon pintar (📖136). Ambil perhatian bahawa hanya satu telefon pintar boleh ditetapkan pada butang 📱.
- Sambungkan melalui menu Wi-Fi (📖138)
Anda boleh menyambungkan kamera ke telefon pintar sepertimana anda menyambungkannya ke komputer atau peranti lain. Berbilang telefon pintar boleh ditambah.

Sebelum menyambung ke kamera, anda mesti memasang aplikasi Camera Connect khusus yang percuma pada telefon pintar. Untuk butiran tentang aplikasi ini (telefon pintar yang disokong dan fungsi yang tersedia), rujuk kepada laman web Canon.



- Pengguna kamera Canon serasi Wi-Fi yang menyambungkan kamera dengan telefon pintar melalui Wi-Fi patut mempertimbangkan pertukaran daripada aplikasi mudah alih CameraWindow kepada aplikasi mudah alih Camera Connect.


Menghantar Imej ke Telefon Pintar Serasi NFC

Gunakan NFC telefon pintar Android (versi OS 4.0 atau lebih baru) untuk memudahkan proses memasang Camera Connect dan menyambung ke kamera.

Operasi selepas peranti bersambung melalui NFC berbeza bergantung pada mod kamera apabila peranti bersentuhan bersama.

- Jika kamera mati atau dalam mod Penangkapan apabila peranti bersentuhan bersama, anda boleh memilih dan menghantar imej pada skrin pemilihan imej. Setelah peranti bersambung, anda juga boleh menangkap secara kawalan jauh dan menambah geotag pada tangkapan anda (“Menggunakan Telefon Pintar untuk Melihat Imej Kamera dan Mengawal Kamera” (📖155)). Ia mudah untuk menyambung semula peranti terkini yang tersenarai dalam menu Wi-Fi.
 - Jika kamera dalam mod Main balik apabila peranti bersentuhan bersama, anda boleh memilih dan menghantar imej dari paparan indeks yang ditunjukkan untuk pemilihan imej. Sambungan terputus secara automatik selepas pemindahan imej.
- Ikuti arahan dalam bahagian yang berikut untuk sambungan dimulakan NFC ke kamera yang mati atau dalam mod Penangkapan.

Sambungan melalui NFC Apabila Kamera Dimatikan atau dalam Mod Penangkapan



1 Pasang Camera Connect.

- Aktifkan NFC pada telefon pintar dan sentuh Tanda N (N) peranti bersama untuk memulakan Google Play pada telefon pintar secara automatik. Sebaik sahaja halaman muat turun Camera Connect dipaparkan, muat turun dan pasang aplikasi ini.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori



Lampiran

Indeks



2 Wujudkan sambungan.

- Pastikan bahawa kamera sudah dimatikan atau dalam mod Penangkapan.
- Sentuh Tanda N (N) pada telefon pintar dengan Camera Connect dipasang dengan Tanda N kamera.
- Kamera dihidupkan secara automatik.
- Jika skrin [Nama samaran peranti] dipaparkan, tekan butang [▲][▼] atau putar dail [⦿] untuk memilih [Ok] dan kemudian tekan butang [ⓘ].



- Camera Connect sudah dimulakan pada telefon pintar.
- Peranti disambungkan secara automatik.

3 Laraskan tetapan privasi.

- Selepas skrin ini dipaparkan, tekan butang [◀][▶] atau putar dail [⦿] untuk memilih [Ya] dan kemudian tekan butang [ⓘ].
- Anda kini boleh menggunakan telefon pintar untuk menyemak lalu, mengimport atau menambah geotag pada imej dalam kamera atau menangkap secara kawalan jauh.



4 Hantar imej.

- Putar dail [⦿] untuk memilih imej yang akan dihantar, tekan butang [◀][▶] untuk memilih [Hantar imej ini] dan kemudian tekan butang [ⓘ].
- Pemindahan imej akan dimulakan. Skrin akan menjadi lebih gelap semasa pemindahan imej.
- [Pindahan berjaya] akan dipaparkan selepas imej dihantar dan skrin pindah imej akan dipaparkan sekali lagi.
- Untuk memutuskan sambungan, tekan butang [MENU], pilih [Ok] pada skrin pengesahan (sama ada tekan butang [◀][▶] atau putar dail [⦿]) dan kemudian tekan butang [ⓘ]. Anda juga boleh menggunakan telefon pintar untuk mengakhiri sambungan.



- Apabila menggunakan NFC, sila ingat perkara berikut.
 - Elakkan hentakan yang kuat berlaku antara kamera dengan telefon pintar. Ini mungkin merosakkan peranti.
 - Bergantung pada telefon pintar, peranti mungkin tidak boleh mengenali satu sama lain dengan segera. Dalam keadaan ini, cuba pegang peranti tersebut bersama-sama dalam kedudukan yang berbeza sedikit. Jika sambungan tidak diwujudkan, kekalkan peranti bersama sehingga skrin kamera dikemaskini.
 - Jika anda cuba menyambung apabila kamera dimatikan, mesej mungkin dipaparkan pada telefon pintar untuk mengingatkan anda supaya menghidupkan kamera. Jika demikian, hidupkan kamera dan sentuh peranti bersama sekali lagi.
 - Jangan letakkan benda lain di antara kamera dan telefon pintar. Di samping itu, ambil perhatian bahawa penutup telefon pintar atau kamera atau aksesori serupa mungkin menghalang komunikasi.
- Semua imej dalam kamera boleh dilihat daripada telefon pintar yang disambungkan jika anda memilih [Ya] dalam langkah 3. Untuk menjaga privasi imej kamera supaya tidak dapat dilihat daripada telefon pintar, pilih [Tidak] dalam langkah 3.
- Selepas anda mendaftarkan telefon pintar, anda boleh menukar tetapan privasi tersebut pada kamera (157).

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks





- Sambungan memerlukan kad memori berada di dalam kamera.
- Anda juga boleh menukar nama samaran kamera pada skrin dalam langkah 2 (📖134).
- Bukan semua telefon pintar serasi NFC mempunyai Tanda N (N). Untuk butiran, rujuk kepada manual pengguna telefon pintar.
- Anda juga boleh menghantar beberapa imej pada masa yang sama dan menukar saiz imej sebelum menghantar (📖151).
- Untuk melumpuhkan sambungan NFC, pilih MENU (📖31) ► tab [4] ► [Seting Wi-Fi] ► [NFC] ► [Padam].

Sambungan melalui NFC Apabila Kamera dalam Mod Main Balik




- Tekan butang [▶] untuk menghidupkan kamera.
- Sentuh telefon pintar dengan Camera Connect yang dipasang (📖134) dengan Tanda N (N) pada kamera.
- Tekan butang [▲][▼][◀][▶] untuk memilih imej yang akan dihantar dan kemudian tekan butang [☑]. [✓] dipaparkan.
- Untuk membatalkan pemilihan, tekan butang [⏏] sekali lagi. [✓] tidak dipaparkan lagi.
- Ulangi proses ini untuk memilih imej tambahan.
- Selepas anda selesai memilih imej, tekan butang [MENU].
- Tekan butang [◀][▶] atau putar dail [🌀] untuk memilih [Ok] dan kemudian tekan butang [☑].
- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih [Hantar] dan kemudian tekan butang [☑].
- Imej tersebut dihantar sekarang. Sambungan terputus secara automatik selepas imej dihantar.



- Jika semasa penyambungan mesej pada kamera meminta anda memasukkan nama samaran, ikuti langkah 2 dalam "Menghantar Imej ke Telefon Pintar Serasi NFC" (📖134) untuk memasukkannya.
- Kamera tidak menyimpan rekod tentang telefon pintar yang anda sambungkan melalui NFC dalam mod Main balik.
- Anda boleh menetapkan imej untuk pemindahan pada saiz yang diinginkan terlebih dahulu (📖151).

Menghantar ke Telefon Pintar yang Ditetapkan pada Butang

Sebaik sahaja anda telah menyambung ke telefon pintar pada mulanya dengan menekan butang [📷], anda hanya perlu menekan butang [📷] selepas itu untuk menyambung sekali lagi untuk melihat dan menyimpan imej kamera pada peranti yang disambungkan. Langkah-langkah ini menunjukkan cara untuk menggunakan kamera sebagai pusat akses, tetapi anda juga boleh menggunakan pusat akses sedia ada (📖139).



1 Pasang Camera Connect.

- Untuk iPhone atau iPad, cari Camera Connect dalam App Store dan muat turun serta pasangkan aplikasi ini.
- Untuk telefon pintar Android, cari Camera Connect dalam Google Play dan muat turun serta pasangkan aplikasi ini.

2 Tekan butang [📷].

- Tekan butang [📷].

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi


Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks






- Jika skrin [Nama samaran peranti] dipaparkan, tekan butang [▲][▼] atau putar dail [🌀] untuk memilih [Ok] dan kemudian tekan butang [📁].



3 Pilih [📁].

- Tetapan privasi mesti dikonfigurasi terlebih dahulu untuk membolehkan imej dilihat pada telefon pintar (📖136, 📖138, 📖157).

Menambah Geotag pada Imej dalam Kamera

Data GPS yang direkod pada telefon pintar menggunakan aplikasi Camera Connect yang dikhususkan boleh ditambah ke imej dalam kamera. Imej ditandai dengan maklumat termasuk latitud, longitud dan ketinggian.



- Sebelum menangkap, pastikan bahawa tarikh dan masa dan zon masa tempatan anda telah ditetapkan dengan betul seperti yang diterangkan dalam "Menetapkan Tarikh dan Masa" (📖21). Juga ikuti langkah dalam "Jam Dunia" (📖162) untuk menentukan sebarang destinasi penangkapan dalam zon masa lain.
- Orang lain mungkin dapat mengesan atau mengenal pasti anda dengan menggunakan data lokasi dalam imej pegun atau filem yang ditambah geotag. Berhati-hati apabila berkongsi imej ini dengan orang lain, seperti apabila menghantar imej dalam talian di mana ramai orang dapat melihat imej tersebut.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



Menangkap secara Kawalan Jauh

Sambil anda memeriksa skrin penangkapan pada telefon pintar anda, anda boleh menggunakannya untuk menangkap secara kawalan jauh.

1 Pilih mod penangkapan.

- Putar dail mod untuk memilih [P], [Tv], [Av], [M], [C1] atau [C2] sebagai mod.

2 Pasangkan kamera dengan kukuh.

- Sebaik sahaja penangkapan kawalan jauh bermula, lensa kamera akan keluar. Pergerakan lensa akibat mengezum juga mungkin menggerakkan kamera dari kedudukannya. Pastikan kamera tidak bergerak dengan memasangkannya pada tripod atau mengambil langkah lain.

3 Sambungkan kamera dan telefon pintar (📖 136, 📖 138).

- Dalam tetapan privasi, pilih [Ya].

4 Pilih penangkapan kawalan jauh.

- Dalam Camera Connect pada telefon pintar, pilih penangkapan kawalan jauh.
- Lensa kamera akan keluar. Jangan tekan berdekatan lensa dan pastikan tiada benda lain menghalang lensa.
- Apabila kamera bersedia untuk penangkapan kawalan jauh, imej langsung dari kamera akan dipaparkan pada telefon pintar.
- Pada masa ini, mesej dipaparkan pada kamera dan semua operasi kecuali menekan butang kuasa akan dilumpuhkan.

5 Tangkap.

- Gunakan telefon pintar untuk menangkap.



- Mod [P] digunakan untuk penangkapan dalam mod selain daripada [P], [Tv], [Av], [M], [C1] dan [C2]. Namun, sesetengah tetapan Tetap Cepat dan MENU yang anda tetapkan sebelumnya mungkin ditukar secara automatik.
- Rakaman filem tidak tersedia.



- Sebarang pergerakan subjek tersentak-sentak dipaparkan pada telefon pintar yang disebabkan oleh persekitaran sambungan tidak akan mempengaruhi imej yang direkod.
- Imej yang ditangkap tidak dihantar ke telefon pintar. Gunakan telefon pintar untuk menyemak lalu dan mengimport imej dari kamera.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



Mengedit atau Memadamkan Tetapan Wi-Fi


Edit atau padam tetapan Wi-Fi seperti berikut.

Mengedit Maklumat Sambungan




1 Akses menu Wi-Fi dan pilih peranti untuk diedit.

- Tekan butang [▶] untuk menghidupkan kamera.
- Tekan butang [▲].
- Tekan butang [▲][▼][◀][▶] atau putar dail [⦿] untuk memilih ikon peranti untuk diedit dan kemudian tekan butang [⚙️].



2 Pilih [Edit Peranti].

- Tekan butang [▲][▼] atau putar dail [⦿] untuk memilih [Edit Peranti] dan kemudian tekan butang [⚙️].



3 Pilih peranti untuk diedit.

- Tekan butang [▲][▼] atau putar dail [⦿] untuk memilih peranti untuk diedit dan kemudian tekan butang [⚙️].

4 Pilih item untuk diedit.


- Tekan butang [▲][▼] atau putar dail [⦿] untuk memilih item untuk diedit dan kemudian tekan butang [⚙️].
- Item yang boleh anda tukar bergantung pada peranti atau perkhidmatan.

Item yang Boleh Dikonfigurasi	Sambungan				Perkhidmatan Web
[Tukar nama samaran peranti] (📖157)	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	-
[Melihat Settin] (📖136)	-	<input type="radio"/>	-	-	-
[Padam info sambungan] (📖157)	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	-

O : Boleh dikonfigurasi - : Tidak boleh dikonfigurasi

Menukar Nama Samaran Peranti


Anda boleh menukar nama samaran peranti (nama paparan) yang dipaparkan pada kamera.



- Ikuti langkah 4 dalam “Mengedit Maklumat Sambungan” (📖157), pilih [Tukar nama samaran peranti] dan tekan butang [⚙️].
- Pilih kotak input dan tekan butang [⚙️]. Gunakan papan kekunci yang dipaparkan untuk memasukkan nama samaran baharu (📖32).

Memadam Maklumat Sambungan

Padam maklumat sambungan (maklumat tentang peranti yang telah anda sambungkan) seperti berikut.



- Ikuti langkah 4 dalam “Mengedit Maklumat Sambungan” (📖157), pilih [Padam info sambungan] dan tekan butang [⚙️].
- Selepas [Padam?] dipaparkan, tekan butang [◀][▶] atau putar dail [⦿] untuk pilih [Ok] dan kemudian tekan butang [⚙️].
- Maklumat sambungan akan dipadamkan.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks




Menukar Nama Samaran Kamera

Tukar nama samaran kamera (dipaparkan pada peranti yang bersambung) seperti yang diingini.




1 Pilih [Seting Wi-Fi].

- Tekan butang [MENU] dan pilih [Seting Wi-Fi] pada tab [F4] (131).



2 Pilih [Tukar nama samaran peranti].

- Tekan butang [▲][▼] atau putar dail [⊙] untuk memilih [Tukar nama samaran peranti] dan kemudian tekan butang [⊙].



3 Tukar nama samaran.

- Tekan butang [⊙] untuk mengakses papan kekunci (132) dan kemudian masukkan nama samaran.




- Mesej dipaparkan jika nama samaran yang anda masukkan bermula dengan simbol atau ruang. Tekan butang [⊙] dan masukkan nama samaran yang berbeza.
- Anda juga boleh menukar nama samaran dari skrin [Nama samaran peranti] yang dipaparkan apabila anda pertama kali menggunakan Wi-Fi. Dalam keadaan ini, pilih kotak teks, tekan butang [⊙] untuk mengakses paparan kekunci dan kemudian masukkan nama samaran baharu.

Mengembalikan Tetapan Wi-Fi ke Lalai


Kembalikan tetapan Wi-Fi ke lalai jika anda memindahkan pemilikan kamera kepada orang lain atau apabila melupuskannya.

Jika anda menetapkan semula tetapan Wi-Fi, semua tetapan perkhidmatan Web akan dipadamkan. Pastikan anda ingin menetapkan semula semua tetapan Wi-Fi sebelum menggunakan pilihan ini.



1 Pilih [Seting Wi-Fi].

- Tekan butang [MENU] dan pilih [Seting Wi-Fi] pada tab [F4] (131).



2 Pilih [Settin Reset].

- Tekan butang [▲][▼] atau putar dail [⊙] untuk memilih [Settin Reset] dan kemudian tekan butang [⊙].

3 Pulihkan tetapan lalai.

- Tekan butang [◀][▶] atau putar dail [⊙] untuk memilih [Ok] dan kemudian tekan butang [⊙].
- Tetapan Wi-Fi kini ditetapkan semula.



- Untuk menetapkan semula tetapan lain (selain Wi-Fi) kepada lalai, pilih [Reset Semua] pada tab [F4] (165).

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



Menu Tetapan


Sesuaikan atau laraskan fungsi kamera asas untuk kemudahan yang lebih

Melaraskan Fungsi Kamera Asas

Tetapan MENU (📖31) pada tab [👉1], [👉2], [👉3] dan [👉4] boleh dikonfigurasi. Sesuaikan fungsi yang biasa digunakan seperti yang diingini, untuk kemudahan yang lebih.

Penyimpanan Imej Berasaskan Tarikh

Selain penyimpanan imej dalam folder yang dicipta setiap bulan, anda boleh menetapkan kamera agar mencipta folder bagi setiap hari anda membuat tangkapan untuk menyimpan tangkapan pada hari tersebut.



- Pilih [Cipta Folder] pada tab [👉1] dan kemudian pilih [Setiap hari].
- Imej kini akan disimpan dalam folder yang dicipta pada tarikh tangkapan.

Penomboran Fail

Hasil tangkapan anda diberi nombor secara automatik dalam turutan berjujukan (0001 – 9999) dan disimpan dalam folder yang boleh menyimpan sehingga 2,000 imej setiap satu. Anda boleh menukar cara kamera menetapkan nombor fail.



- Pilih [Penomboran Fail] pada tab [👉1] dan kemudian pilih pilihan.

Berterusan	Imej diberi nombor secara berturutan (sehingga tangkapan ke-9999 diambil/disimpan) walaupun jika anda mengganti kad memori.
Auto reset	Penomboran imej ditetapkan semula ke 0001 jika anda mengganti kad memori atau apabila folder baru dicipta.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks





- Tidak kira pilihan yang dipilih dalam tetapan ini, tangkapan mungkin akan diberi nombor secara berturutan mengikut nombor terakhir dari imej yang sedia ada pada kad memori yang baru dimasukkan. Untuk mula menyimpan tangkapan dari 0001, gunakan kad memori yang kosong (atau diformat, 160).

Memformat Kad Memori

Sebelum menggunakan kad memori baharu atau kad memori yang diformat dalam peranti lain, anda harus memformat kad memori tersebut dengan kamera ini.


Pemformatan memadam semua data pada kad memori. Sebelum memformat, salin imej pada kad memori ke komputer atau ambil langkah lain untuk membuat sandaran.

1 Akses skrin [Format].

- Pilih [Format] pada tab dan kemudian tekan butang .

2 Pilih [OK].

- Tekan butang atau putar dail untuk memilih [OK] dan kemudian tekan butang .
- Kad memori diformat.




- Memformat atau memadamkan data pada kad memori hanya menukar maklumat pengurusan fail pada kad memori dan tidak memadamkan data tersebut dengan sepenuhnya. Apabila memindah atau membuang kad memori, ambil langkah untuk melindungi maklumat peribadi anda jika perlu, seperti menghancurkan kad memori secara fizikal.



- Jumlah kapasiti kad memori yang ditunjukkan pada skrin pemformatan mungkin lebih rendah daripada kapasiti yang diiklankan.

Pemformatan Tahap Rendah

Lakukan pemformatan tahap rendah dalam keadaan berikut: [Kesilapan kad memori] dipaparkan, kamera tidak berfungsi dengan betul, pembacaan/penulisan imej pada kad lebih lambat, penangkapan gambar berterusan lebih lambat atau rakaman filem terhenti secara tiba-tiba. Pemformatan tahap rendah akan memadam semua data pada kad memori. Sebelum pemformatan tahap rendah, salin imej pada kad memori ke komputer atau ambil langkah lain untuk membuat sandaran.




- Pada skrin dalam langkah 2 "Memformat Kad Memori" (160), tekan butang [DISP] untuk pilih [Format low level]. Ikon dipaparkan.
- Ikuti langkah 2 dalam "Memformat Kad Memori" (160) untuk meneruskan proses pemformatan.



- Pemformatan tahap rendah mengambil masa lebih lama daripada "Memformat Kad Memori" (160), kerana data dipadankan daripada semua bahagian simpanan kad memori.
- Anda boleh membatalkan pemformatan tahap rendah yang sedang berlangsung dengan memilih [Berhenti]. Dalam keadaan ini, semua data akan dihapuskan, tetapi kad memori boleh digunakan secara normal.

Menukar Sistem Video

Tetapkan sistem video sebarang televisyen yang digunakan untuk paparan. Tetapan menentukan kualiti imej (kadar bingkai) yang tersedia untuk filem.



- Pilih [Sistem video] pada tab dan kemudian pilih pilihan.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



Kalibrasi Aras Elektronik


Kalibrasikan aras elektronik jika ia kelihatan tidak berkesan dalam membantu anda meratakan kedudukan kamera. Untuk ketepatan kalibrasi yang lebih jitu, paparkan garisan grid (📖102) untuk membantu anda meratakan kedudukan kamera terlebih dahulu.

1 Pastikan kamera berkedudukan rata.

- Letakkan kamera pada permukaan yang rata, seperti meja.

2 Kalibrasikan aras elektronik.


- Pilih [Paras Elektronik] pada tab [🔍1] dan kemudian tekan butang [🏠].
- Pilih [Kalibrasi] dan kemudian tekan butang [🔍]. Mesej pengesahan dipaparkan.
- Pilih [Ok] dan kemudian tekan butang [🏠].



Menetapkan Semula Aras Elektronik

Pulihkan Aras Elektronik ke keadaan asalnya seperti berikut. Ambil perhatian bahawa perkara ini tidak boleh dilakukan melainkan anda telah mengkalibrasi aras elektronik.

- Pilih [Paras Elektronik] pada tab [🔍1] dan kemudian tekan butang [🏠].
- Pilih [Set semula] dan kemudian tekan butang [🔍].
- Pilih [Ok] dan kemudian tekan butang [🏠].



Menunjukkan Warna pada Skrin Maklumat

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Maklumat yang dipaparkan pada skrin dan menu boleh ditukar ke warna yang sesuai untuk menangkap dalam keadaan cahaya malap. Mengaktifkan tetapan ini berguna dalam mod seperti 📷 (📖70).



- Pilih [Paparan Malam] pada tab [🔍2] dan kemudian pilih [On] (📖31).

Menggunakan Mod Eko

Fungsi ini membenarkan anda untuk menjimatkan kuasa bateri dalam mod Penangkapan. Apabila kamera tidak digunakan, skrin akan menjadi gelap dengan cepat untuk mengurangkan penggunaan bateri.



1 Konfigurasikan tetapan.

- Pilih [Mod Eko] pada tab [🔍2] dan kemudian pilih [On].
- [ECO] kini dipaparkan pada skrin penangkapan (📖193).
- Skrin akan menjadi gelap apabila kamera tidak digunakan selama kira-kira dua saat; kira-kira sepuluh saat selepas penggelapan, skrin akan dimatikan. Kamera akan dimatikan dengan sendiri selepas ketidakaktifan selama kira-kira tiga minit.

2 Tangkap.

- Untuk mengaktifkan skrin dan bersedia untuk penangkapan apabila skrin dimatikan tetapi lensa masih terkeluar, tekan butang pengatup separuh ke bawah.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori


Lampiran

Indeks



Pelarasan Jimat Kuasa

Laraskan pemasa bagi penyahaktifan automatik skrin dan kamera (Mati Secara Auto dan Paparan Padam, masing-masing) mengikut keperluan (📖 27).



- Pilih [Jimat kuasa] pada tab [🔍] dan kemudian tekan butang [🔍].
- Pilih item, tekan butang [▲][▼] dan kemudian tekan butang [▲][▼] atau putar dail [🌀] untuk mengkonfigurasi tetapan.



- Untuk menjimat kuasa bateri, anda harus biasanya memilih [On] untuk [Mati secara auto] dan [1 min] atau kurang untuk [Paparan Padam].



- Tetapan [Paparan Padam] digunakan walaupun jika anda menetapkan [Mati secara auto] kepada [Padam].
- Fungsi jimat kuasa adalah tidak tersedia ketika anda menetapkan mod Eko (📖 161) kepada [On].

Kecerahan Skrin

Laraskan kecerahan skrin seperti berikut.



- Pilih tab [🔍] ► [Kecerahan LCD], tekan butang [🔍] dan kemudian tekan butang [◀][▶] atau putar dail [🌀] untuk melaraskan kecerahan.




- Untuk kecerahan maksimum, tekan dan tahan butang [DISP] selama kira-kira satu saat apabila skrin penangkapan dipaparkan atau apabila dalam paparan imej tunggal. (Ini akan mengatasi tetapan [Kecerahan LCD] pada tab [🔍].) Untuk memulihkan kecerahan asal, tekan dan tahan butang [DISP] sekali lagi selama kira-kira satu saat atau hidupkan kamera semula.

Jam Dunia


Untuk memastikan bahawa tangkapan anda akan mempunyai tarikh dan masa tempatan yang betul ketika anda melancong ke luar negara, daftarkan sahaja destinasi anda terlebih dahulu dan tukar ke zon masa tersebut. Ciri mudah ini tidak memerlukan penukaran tetapan Hb/Masa secara manual.

Sebelum menggunakan jam dunia, pastikan anda menetapkan tarikh dan masa serta zon masa rumah anda seperti yang telah diterangkan dalam “Menetapkan Tarikh dan Masa” (📖 21).



1 Tentukan destinasi anda.

- Pilih [Zon masa] pada tab [🔍] dan kemudian tekan butang [🔍].
- Tekan butang [▲][▼] atau putar dail [🌀] untuk memilih [Dunia] dan kemudian tekan butang [🔍].
- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih destinasi.
- Untuk menetapkan waktu jimat siang (1 jam lebih awal), pilih [🔍] dengan menekan butang [▲][▼] atau memutar dail [🌀] dan kemudian pilih [🔍] dengan menekan butang [◀][▶].
- Tekan butang [🔍].



2 Tukar ke zon masa destinasi.

- Tekan butang [▲][▼] atau putar dail [🌀] untuk memilih [Dunia] dan kemudian tekan butang [MENU].
- [🔍] kini dipaparkan pada skrin penangkapan (📖 193).



- Melaraskan tarikh atau masa ketika dalam mod [🔍] (📖 21) akan mengemas kini tarikh dan masa [🏠 Home] anda secara automatik.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori


Lampiran

Indeks



Mengubah Tarikh dan Masa


Laraskan tarikh dan masa seperti berikut.



- Pilih [Hb/Masa] pada tab [F2] dan kemudian tekan butang [SET].
- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih satu pilihan dan kemudian laraskan tetapan, sama ada dengan menekan butang [▲][▼] atau memutar dail [REVERSE].

Masa Tarik Balik Lensa

Lensa biasanya ditarik balik untuk keselamatan kira-kira seminit selepas anda menekan butang [▶] dalam mod Penangkapan (126). Untuk menarik balik lensa segera selepas anda menekan butang [▶], tetapkan masa tarik balik ke [0 saat].



- Pilih [Tarikbalik lensa] pada tab [F2] dan kemudian pilih [0 saat].

Bahasa Paparan

Tukar bahasa paparan mengikut keperluan.




- Pilih [Bahasa] pada tab [F3] dan kemudian tekan butang [SET].
- Tekan butang [▲][▼][◀][▶] atau putar dail [REVERSE] untuk memilih bahasa dan tekan butang [SET].



- Anda juga boleh mengakses skrin [Bahasa] dalam mod Main balik dengan menekan dan menahan butang [SET] dan segera menekan butang [MENU].

Meredamkan Bunyi Operasi Kamera

Redamkan bunyi kamera dan filem seperti berikut.




- Pilih [Bisu] pada tab [F3] dan kemudian pilih [On].



- Bunyi operasi juga boleh diredamkan dengan menahan butang [DISP] semasa anda menghidupkan kamera.
- Bunyi tidak akan dimainkan ketika filem dimainkan (106) jika anda meredamkan bunyi kamera. Untuk memulihkan bunyi ketika filem, tekan butang [▲] atau seret ke atas melintasi skrin. Laraskan volum mengikut keperluan dengan menekan butang [▲][▼] atau dengan menyeret ke atas atau ke bawah dengan cepat.

Melaraskan Volum

Laraskan volum setiap bunyi kamera seperti berikut.



- Pilih [Volum] pada tab [F3] dan kemudian tekan butang [SET].
- Pilih satu item dan kemudian tekan butang [◀][▶] untuk melaraskan volum.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori


Lampiran

Indeks



Menyesuaikan Bunyi

Sesuaikan bunyi operasi kamera seperti berikut.




- Pilih [Pilihan bunyi] pada tab [4] dan kemudian tekan butang [OK].
- Pilih satu item dan kemudian tekan butang [▲][▼] untuk menukar bunyi.



- Bunyi pengatup dalam filem ikhtisar yang dirakam dalam mod [4] (37) tidak boleh ditukar.

Skrin Permulaan


Sesuaikan skrin permulaan yang ditunjukkan selepas anda menghidupkan kamera seperti berikut.



- Pilih [Imej permulaan] pada tab [1] dan kemudian tekan butang [OK].
- Tekan butang [◀][▶] atau putar dail [OK] untuk memilih pilihan.

Menyembunyikan Penunjuk & Tip

Penunjuk dan tip biasanya dipaparkan apabila anda memilih item menu Tetap Cepat (30). Jika anda ingin, anda boleh menyahaktifkan maklumat ini.



- Pilih [Penunjuk & Tip] pada tab [3] dan kemudian pilih [Padam].

Melaraskan Panel Skrin Sentuh


Sensitiviti panel skrin sentuh boleh ditingkatkan untuk bertindak balas kepada sentuhan yang lebih ringan atau anda boleh melumpuhkan kawalan sentuh.



- Pilih tab [4] ► [Operasi Sentuh] dan kemudian pilih pilihan yang diinginkan.
- Untuk meningkatkan sensitiviti panel skrin sentuh, pilih [Sensitif] dan untuk melumpuhkan kawalan sentuh, pilih [Deaktif].

Paparan Metrik / Bukan Metrik


Tukar unit ukuran yang dipaparkan dalam bar zum (35), penunjuk MF (86) dan di tempat lain dari m/cm kepada kaki/inci mengikut keperluan.



- Pilih [Units] pada tab [4] dan kemudian pilih [ft/in].

Memeriksa Logo Pensijilan

Sesetengah logo untuk keperluan pensijilan yang dipatuhi oleh kamera dapat dilihat pada skrin. Logo pensijilan yang lain dicetak dalam panduan ini, pada pakej kamera atau pada badan kamera.



- Pilih [Papar logo pensijilan] pada tab [4] dan kemudian tekan butang [OK].

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori


Lampiran

Indeks



Menetapkan Maklumat Hak Cipta untuk Direkod dalam Imej

Untuk merekod nama pengarang dan butiran hak cipta dalam imej, tetapkan maklumat ini terlebih dahulu seperti berikut.




- Pilih [Info hak cipta] pada tab [F4] dan kemudian tekan butang [OK].
- Tekan butang [▲][▼] atau putar dail [OK] untuk memilih [Masok nama pengarang] atau [Masok butir hak cipta]. Tekan butang [OK] untuk akses papan kekunci, dan masukkan nama (132).
- Tekan butang [MENU]. Apabila [Terima perubahan?] dipaparkan, pilih [Ya] (sama ada tekan butang [◀][▶] atau putar dail [OK]) dan kemudian tekan butang [OK].
- Maklumat yang ditetapkan di sini kini akan direkod dalam imej.



- Untuk memeriksa maklumat yang dimasukkan, pilih [Papar info hak cipta] pada bahagian atas skrin dan kemudian tekan butang [OK].

Memadam Semua Maklumat Hak Cipta

Anda boleh memadam nama pengarang dan butiran hak cipta pada masa yang sama seperti berikut.



- Ikuti langkah dalam "Menetapkan Maklumat Hak Cipta untuk Direkod dalam Imej" (165) dan pilih [Padam info hak cipta].
- Tekan butang [◀][▶] atau putar dail [OK] untuk memilih [OK] dan kemudian tekan butang [OK].



- Maklumat hak cipta yang telah direkod dalam imej tidak akan dipadam.


Melaraskan Tetapan Lain

Tetapan berikut juga boleh dilaraskan.

- Tetapan tab [F4] [Seting Wi-Fi] (133)
- Tetapan tab [F4] [Butng Smbgn Peranti Mdh Alh] (136)

Memulihkan Tetapan Lalai Kamera

Jika anda menukar sesuatu tetapan secara tidak sengaja, anda boleh memulihkan tetapan lalai kamera.



1 Akses skrin [Reset Semua].

- Pilih [Reset Semua] pada tab [F4] dan kemudian tekan butang [OK].

2 Pulihkan tetapan lalai.

- Tekan butang [◀][▶] atau putar dail [OK] untuk memilih [Ok] dan kemudian tekan butang [OK].
- Tetapan lalai kini dipulihkan.



- Fungsi berikut tidak dipulihkan ke tetapan lalai.
 - Maklumat terdaftar menggunakan ID Wajah (48)
 - Tetapan tab [F1] [Sistem video] (160)
 - Tetapan tab [F2] [Zon masa] (162), [Hb/Masa] (163) dan tetapan tab [F3] [Bahasa] (163)
 - Data white balance tersuai yang telah anda rekod (84)
 - Mod penangkapan dipilih dalam mod [SCN] (61) dan [M] (62)
 - Tetapan Pampasan Pendedahan (79)
 - Mod Filem (74)
 - Tetapan Wi-Fi (133)
 - Nilai dikalibrasi untuk aras elektronik (161)
 - Maklumat hak cipta (165)

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



Aksesori

Nikmati kamera melalui lebih banyak cara dengan aksesori pilihan Canon dan aksesori serasi lain yang dijual berasingan

Penggunaan aksesori Canon yang tulen adalah disarankan.

Produk ini direka bentuk untuk mencapai prestasi yang cemerlang apabila digunakan bersama aksesori Canon yang tulen.

Canon tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan produk dan/atau kemalangan seperti api, dll yang disebabkan oleh kepincangan aksesori Canon yang bukan tulen (mis., kebocoran dan/atau letupan pek bateri). Sila ambil perhatian bahawa jaminan tidak termasuk pembaikan yang timbul akibat kepincangan aksesori Canon yang bukan tulen, tetapi anda boleh meminta pembaikan demikian dengan bayaran.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan


Aksesori

Lampiran

Indeks



Peta Sistem



Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetap

Aksesori

Lampiran

Indeks

*1 Juga tersedia untuk pembelian berasingan.

*2 Aksesori Canon tulen juga tersedia (Kabel Antara Muka IFC-400PCU).

*3 Aksesori berikut juga disokong: Speedlite 580EX, 430EX, 270EX dan 220EX, Penghantar Speedlite ST-E2, ST-E3-RT, Braket Speedlite SB-E2 dan Kord Shoe Luar Kamera OC-E3.


*4 Memerlukan Penyesuai Penuras FA-DC67B.



Aksesori Pilihan

Aksesori kamera berikut dijual berasingan. Ambil perhatian bahawa ketersediaan berbeza mengikut kawasan dan sesetengah aksesori mungkin sudah tidak tersedia lagi.

Bekalan Kuasa




Pek Bateri NB-10L

- Bateri litium-ion boleh dicas semula

Pengecas bateri CB-2LCE

- Pengecas bagi Pek Bateri NB-10L




Kit Penyesuai AC ACK-DC80

- Untuk membekalkan kuasa kepada kamera menggunakan kuasa rumah. Disarankan apabila menggunakan kamera untuk jangka masa yang lama atau apabila menyambungkan kamera ke pencetak atau komputer. Tidak boleh digunakan untuk mengecbas pek bateri dalam kamera.




- Pengecas bateri dan kit penyesuai AC boleh digunakan di kawasan dengan kuasa sebesar 100 – 240 V AC (50/60 Hz).
- Bagi saluran keluar kuasa dalam format lain, gunakan penyesuai yang tersedia secara komersil untuk palam. Jangan gunakan transformer elektrik yang direka untuk pelancongan, kerana ia mungkin merosakkan pek bateri.

Unit Denyar




Speedlite 600EX-RT/600EX/580EX II/430EX II/320EX/270EX II

- Unit denyar dengan cagakan shoe yang membolehkan banyak gaya fotografi denyar. Speedlite 580EX, 430EX, 270EX dan 220EX juga disokong.



Braket Speedlite SB-E2


- Mencegah bayangan yang luar biasa di sebelah subjek ketika penangkapan menegak. Termasuk Kord Shoe Luar Kamera OC-E3.



Penghantar Speedlite ST-E2, ST-E3-RT


- Membolehkan kawalan wayarles unit denyar Speedlite bantu (kecuali Speedlite 220EX/270EX).

Aksesori Lain



Kabel Antara Muka IFC-400PCU

- Untuk menyambungkan kamera ke komputer atau pencetak.



Kabel HDMI HTC-100

- Untuk menyambungkan kamera ke input HDMI bagi TV definisi tinggi.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi


Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks





Suis Kawalan Jauh RS-60E3

- Membolehkan operasi butang pengatup kawalan jauh (menekan butang separuh ke bawah atau sepenuhnya ke bawah).




Tudung Lensa LH-DC100/Penyesuai Penuras FA-DC67B

- Mencegah cahaya asing di luar sudut pandangan daripada memasuki lensa dan menyebabkan nyalaan atau bayangan, yang mengurangkan kualiti imej.
- Penyesuai diperlukan apabila mencagak penuras 67 mm.

Penuras Lensa Canon (diameter 67 mm)

- Melindungi lensa dan membolehkan pelbagai kesan penangkapan.

Pencetak



Pencetak Serasi PictBridge Jenama Canon

- Mencetak imej tanpa komputer boleh dilakukan dengan menyambungkan kamera secara langsung ke pencetak. Untuk butiran, lawati peruncit Canon yang terdekat dengan anda.

Menggunakan Aksesori Pilihan

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Main Balik pada TV

▶ Imej Pegun ▶ Filem


Menyambungkan kamera ke HDTV dengan Kabel HDMI HTC-100 (dijual berasingan) membolehkan anda melihat tangkapan anda pada skrin TV yang lebih besar. Filem yang dirakam pada kualiti imej [E-FHD 69.94P], [E-FHD 29.97P], [E-FHD 23.98P], [E-FHD 29.97P], [E-FHD 50.00P], [E-FHD 25.00P] atau [E-FHD 25.00P] boleh ditonton dalam definisi tinggi.

Untuk butiran mengenai sambungan atau cara menukar input, rujuk kepada manual TV.


1 Pastikan kamera dan TV dimatikan.

2 Sambungkan kamera ke TV.

- Pada TV, masukkan palam kabel sepenuhnya ke dalam input HDMI seperti yang ditunjukkan.



- Pada kamera, buka penutup terminal dan masukkan palam kabel sepenuhnya ke dalam terminal kamera.



Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori


Lampiran

Indeks



3 Hidupkan TV dan tukar kepada input luaran.

- Tukar input TV kepada input luaran yang anda sambungkan kabel padanya dalam langkah 2.



4 Hidupkan kamera.

- Tekan butang [▶] untuk menghidupkan kamera.
- Imej dari kamera kini dipaparkan pada TV. (Skrin kamera tidak memaparkan apa-apa.)
- Setelah selesai, matikan kamera dan TV sebelum mencabut kabel.



- Operasi sentuh skrin tidak disokong ketika kamera disambungkan ke televisyen.




- Sesetengah maklumat mungkin tidak dapat dipaparkan apabila melihat imej pada TV (194).
- Bunyi operasi kamera tidak dimainkan ketika kamera disambungkan ke HDTV.
- Apabila kamera dan TV bersambung, anda juga boleh menangkap sambil melihat tangkapan pada skrin TV yang lebih besar. Untuk menangkap, ikuti langkah yang sama seperti apabila menggunakan skrin kamera. Namun, Titik zoom AF (55), Titik-MF zoom (86), Memuncak MF (88) dan Paparan Malam (161) tidak tersedia.

Membekalkan Kuasa Kamera dengan Kuasa Rumah

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Membekalkan kuasa kepada kamera dengan Kit Penyesuai ACK-DC80 (dijual berasingan) menyingkirkan keperluan untuk memantau baki aras kuasa bateri.





1 Pastikan kamera dimatikan.

2 Buka penutup.

- Ikuti langkah 1 dalam “Memasukkan Pek Bateri dan Kad Memori Anda” (20) untuk membuka penutup kad memori/ bateri dan kemudian buka penutup port kabel pengganding seperti yang ditunjukkan.

3 Sambungkan penyesuai ke pengganding.

- Masukkan palam penyesuai sepenuhnya ke dalam pengganding.



4 Masukkan pengganding.

- Masukkan pengganding seperti yang ditunjukkan sehingga ia terkunci dalam kedudukan.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi


Menu Tetap

Aksesori

Lampiran


Indeks





5 Tutup penutup.

- Turunkan penutup (1) dan tahannya ke bawah apabila anda meluncurkan suis, sehingga penutup klik masuk ke posisi tertutup (2).



6 Sambungkan kord kuasa.

- Masukkan salah satu hujung kord kuasa ke dalam penyesuai kuasa padat dan kemudian masukkan hujung lain ke dalam saluran keluar kuasa.
- Hidupkan kamera dan gunakanya mengikut keinginan.
- Setelah selesai, matikan kamera dan cabut kord kuasa dari saluran keluar kuasa.




- Jangan putus sambungan penyesuai atau cabut kord kuasa ketika kamera masih hidup. Ini mungkin akan memadamkan tangkapan anda atau merosakkan kamera.
- Jangan pasang penyesuai atau kord penyesuai ke objek lain. Hal ini mungkin menyebabkan kepincangan atau kerosakan produk.

■ Menggunakan Penuras Lensa (Dijual Berasingan)


► Imej Pegun ► Filem

Memasang penuras lensa ke kamera melindungi lensa dan membolehkan anda menangkap dengan pelbagai kesan. Untuk memasang penuras lensa, anda akan memerlukan Penyesuai Penuras FA-DC67B, disertakan dengan Tudung Lensa LH-DC100 (dijual berasingan).



1 Pasangkan penyesuai penuras.

- Pastikan kamera dimatikan.
- Laraskan takuk pada kamera dan penyesuai penuras dan putar penyesuai mengikut arah anak panah sehingga ia terkunci.
- Untuk mengeluarkan penyesuai penuras, putar ia ke arah berlawanan.



2 Pasangkan penuras.

- Putar penuras mengikut arah anak panah untuk memasangnya pada kamera.
- Pastikan untuk tidak memasang penuras terlalu ketat. Melakukan perkara demikian boleh menghalang pengeluaran penuras dan merosakkan kamera.



- Anda disarankan menggunakan penuras Canon yang tulen (diameter 67 mm).
- Apabila tidak menggunakan auto fokus untuk menangkap, tetapkan pilihan fokus manual [Keselamatan MF] ke [On].
- Jika anda menggunakan denyar terbina dalam kamera dengan penyesuai penuras yang dipasangkan, sesetengah bahagian imej mungkin kelihatan lebih gelap.
- Apabila menggunakan penyesuai penuras, pastikan anda menggunakan hanya satu penuras pada satu masa. Memasang beberapa penuras atau aksesori seperti lensa yang berat, mungkin menyebabkan alat tambahan tersebut terjatuh dan rosak.
- Jangan pegang penyesuai penuras terlalu kuat.
- Keluarkan penyesuai penuras apabila tidak menggunakan penuras atau tudung.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran


Indeks





Menggunakan Tudung Lensa (Dijual Berasingan)

► Imej Pegun ► Filem


Untuk menangkap subjek cahaya belakang dengan sudut lebar tanpa menggunakan denyar, pasanglah Tudung Lensa LH-DC100/Penyesuai Penuras FA-DC67B pilihan untuk menghalang cahaya di luar sudut pandangan daripada memasuki lensa. Untuk memasang tudung, anda akan memerlukan Penyesuai Penuras FA-DC67B, disertakan dengan tudung lensa.



- Pastikan kamera dimatikan.
- Pasanglah penyesuai penuras seperti yang diterangkan dalam langkah 1 “Menggunakan Penuras Lensa (Dijual Berasingan)” (📖 171).
- Laraskan tanda tudung lensa (2) dengan tanda penyesuai penuras (1) dan putar tudung lensa mengikut arah anak panah sehingga ia terkunci dalam kedudukan.



- Untuk mengeluarkan tudung, tekan butang pelepasan tudung (3) dan putar tudung mengikut arah berlawanan.



- Untuk memasang tudung lensa secara songsang (seperti yang ditunjukkan) apabila ia tidak digunakan, laraskan tanda tudung lensa (2) dengan tanda penyesuai penuras (1) dan putar tudung lensa mengikut arah anak panah sehingga ia terkunci dalam kedudukan.




- Kesan kabur tepi mungkin berlaku jika anda menggunakan denyar terbina dalam apabila tudung lensa masih terpasang.

Menggunakan Suis Kawalan Jauh (Dijual Berasingan)


► Imej Pegun ► Filem

Suis Kawalan Jauh RS-60E3 pilihan boleh digunakan untuk mencegah goncangan kamera yang mungkin berlaku apabila menekan butang pengatup secara langsung. Aksesori pilihan ini adalah memudahkan apabila menangkap dengan kelajuan pengatup yang perlahan.



1 Sambungkan suis kawalan jauh.

- Pastikan kamera dimatikan.
- Buka penutup terminal dan masukkan palam suis kawalan jauh.



2 Tangkap.

- Untuk menangkap, tekan butang pelepas pada suis kawalan jauh.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



Menggunakan Hot Shoe


► Imej Pegun ► Filem

Gunakan hot shoe untuk memasang pemidang tilik elektronik atau denyar luaran pilihan.



1 Keluarkan penutup hot shoe.

- Tarik penutup seperti yang ditunjukkan.
- Untuk mengelak kehilangan penutup selepas dialih keluar, simpannya di dalam beg pemidang tilik atau denyar.



2 Memasang Penutup Hot Shoe

- Selepas mengalih keluar pemidang tilik atau denyar, pasang semula penutup hot shoe untuk melindunginya.
- Masukkan penutup seperti yang ditunjukkan.



- Menghalang denyar terbina dalam daripada menaik apabila anda memasang aksesori selain daripada pemidang tilik elektronik pada hot shoe. Jika tidak, denyar mungkin memukul aksesori tersebut. Ambil perhatian bahawa denyar terbina dalam tidak akan menyala.



- Untuk mengelakkan sentuhan antara skrin dan mana-mana pemidang tilik atau denyar pada hot shoe, jangan condongkan skrin ke atas semasa aksesori ini dipasang.

Gunakan Pemidang Tilik Elektronik (Dijual Berasingan)

► Imej Pegun ► Filem


Penangkapan lebih mudah dengan pemidang tilik elektronik pilihan, yang membantu anda menumpukan perhatian terhadap mengekalkan subjek dalam fokus.

Ambil perhatian bahawa kurang tangkapan dan masa rakaman tersedia jika menggunakan skrin (monitor LCD) di belakang kamera. Untuk garis panduan tentang bilangan tangkapan dan masa rakaman yang tersedia, lihat "Bilangan Tangkapan/Masa Rakaman, Masa Main balik" (📖212).

1 Pastikan kamera dimatikan.

2 Pasangkan pemidang tilik elektronik pada hot shoe.

- Keluarkan penutup pemidang tilik.



- Masukkan komponen sambungan pemidang tilik ini ke dalam hot shoe (📖173) seperti yang ditunjukkan sehingga ia klik ke posisi.

3 Laraskan pemidang tilik elektronik ke sudut yang diinginkan.

- Anda boleh melaraskan sudut pemidang tilik sehingga kira-kira 90° supaya sesuai dengan pemandangan atau cara anda menangkap.



Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori


Lampiran

Indeks




4 Hidupkan kamera dan tukar antara menggunakan skrin dan pemidang tilik mengikut keperluan.

- Menggerakkan pemidang tilik berdekatan dengan mata anda akan mengaktifkan paparannya dan menyahaktifkan skrin kamera.
- Menjauhkan pemidang tilik dari mata anda akan menyahaktifkan paparannya dan mengaktifkan skrin kamera.



5 Laraskan diopter.

- Putar dail untuk membolehkan imej pemidang tilik difokuskan dengan lebih tajam.



6 Apabila selesai, alih keluar pemidang tilik elektronik.

- Untuk mengalih keluar pemidang tilik dari kamera, matikan kamera dan tahan butang [UNLOCK] pemidang tilik semasa anda mengeluarkannya.
- Alih keluar dan simpan pemidang tilik ketika anda tidak menggunakannya.



- Paparan pemidang tilik dan skrin kamera tidak boleh diaktifkan pada masa yang sama.
- Operasi sentuh pada skrin kamera tidak boleh dilakukan apabila paparan pemidang tilik sedang digunakan.



- Walaupun pemidang tilik dihasilkan di dalam keadaan pembuatan ketepatan yang sangat tinggi dan lebih daripada 99.99% piksel memenuhi spesifikasi reka bentuk, dalam kes terpecil, sesetengah piksel mungkin rosak atau kelihatan seperti titik merah atau hitam. Ini tidak menunjukkan kerosakan pada kamera atau mempengaruhi imej yang direkod.
- Sesetengah tetapan nisbah bidang (152) akan menyebabkan bar hitam dipaparkan di atas dan bawah atau di sebelah kiri dan kanan skrin. Kawasan ini tidak akan dirakam.
- Anda menukar antara pemidang tilik dengan paparan skrin dengan menekan butang [O] pemidang tilik.
- Jika anda telah memilih MENU (131) ► tab [1] ► [Kawalan Paparan] ► [Manual], skrin tidak akan diaktifkan apabila anda menjauhkan mata anda dari pemidang tilik. Untuk mengaktifkan skrin, tekan butang [O] pemidang tilik.
- Pergerakan dipaparkan dengan lebih lancar (sama ada pada pemidang tilik atau pada skrin) dalam mod [AUTO], [P], [Av], [Tv] atau [M] apabila pemidang tilik dipasang. Jika anda lebih suka paparan normal dan hayat bateri yang tahan lebih lama, pilih MENU (131) ► tab [1] ► [Mod Paparan] ► [Jimat kuasa].
- Paparan akan ditukar kepada skrin kamera semasa komunikasi Wi-Fi (133) atau apabila papan kekunci pada skrin (132) atau skrin utama Sorotan Kisah (130) dipaparkan.
- Anda boleh mengkonfigurasi kecerahan paparan (162) untuk pemidang tilik dan skrin kamera secara berasingan.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



Menggunakan Denyar Luaran (Dijual Berasingan)

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Fotografi denyar yang lebih canggih boleh dilakukan dengan denyar siri Speedlite EX pilihan. Untuk rakaman filem yang menggunakan lampu LED, denyar Speedlite 320EX pilihan adalah tersedia.



- Kamera ini tidak menyokong beberapa fungsi siri Speedlite EX.
- Unit denyar Canon bukan siri EX mungkin tidak menyala dengan betul atau tidak menyala langsung, dalam keadaan tertentu.
- Penggunaan unit denyar bukan Canon (khususnya unit denyar dengan voltan tinggi) atau aksesori denyar mungkin menghalang operasi kamera biasa dan mungkin merosakkan kamera.



- Sila rujuk juga kepada manual siri Speedlite EX untuk maklumat tambahan.

Siri Speedlite EX

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Unit denyar pilihan ini boleh menyediakan pencahayaan yang terang dan memenuhi keperluan fotografi denyar yang pelbagai.



1 Pasangkan denyar.

- Pastikan kamera dimatikan dan kemudian pasang unit denyar pada hot shoe.

2 Hidupkan denyar dan kemudian hidupkan kamera.


- Satu ikon [⚡] merah kini dipaparkan.
- Lampu panduan denyar akan menyala apabila denyar bersedia.

3 Pilih mod penangkapan [P], [Tv], [Av] atau [M].

- Tetapan denyar hanya boleh dikonfigurasi dalam mod-mod tersebut. Dalam mod yang lain, denyar dilaraskan dan bernyalanya secara automatik, mengikut keperluan.

4 Konfigurasikan denyar luaran.

- Tekan butang [MENU], pilih [Kontrol Flash] pada tab [5] dan kemudian tekan butang [⊞].
- Pilihan yang telah ditetapkan pada denyar akan dipaparkan.
- Tekan butang [▲][▼] atau putar dail [⊞] untuk memilih item dan kemudian tetap pilihan yang diinginkan.
- Item yang tersedia berbeza bergantung pada mod penangkapan dan denyar yang dipasangkan (176).



- Tetapan bagi denyar terbina dalam tidak boleh dikonfigurasi ketika denyar siri Speedlite EX terpasang, kerana skrin tetapan tersebut tidak boleh diakses lagi.
- Anda juga boleh mengakses skrin tetapan dengan menekan butang [▶] selama kira-kira satu saat.
- Hanya 600EX-RT/580EX II: [Kontrol Flash] adalah tidak tersedia jika denyar luaran telah disediakan untuk denyar stroboskopik.
- Hanya 320EX: Pencahayaan LED auto hanya tersedia dalam rakaman filem cahaya rendah atau dalam mod Filem. Dalam keadaan ini, ikon [⚡] ditunjukkan.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan


Aksesori

Lampiran

Indeks



Menggunakan Braket Speedlite SB-E2 (Dijual Berasingan)



- Menggunakan Braket Speedlite SB-E2 pilihan boleh membantu mencegah bayangan luar biasa di sebelah subjek ketika tangkapan menegang.
- Untuk memastikan skrin LCD jauh dari braket, gunakan penutup skrin dan menghadap keluar.

► Imej Pegun ► Filem

Tetapan Kamera Tersedia dengan Denyar Luaran (Dijual Berasingan)

► Imej Pegun ► Filem

Item-item berikut tersedia dalam mod **[P]**, **[Tv]**, **[Av]** atau **[M]**. Dalam mod penangkapan lain, hanya [Koreksi Red-Eye] boleh dikonfigurasi. (Dengan kawalan denyar auto, denyar sentiasa menyala.) Namun, unit denyar luaran tidak menyala dalam mod-mod yang denyar terbina dalam juga tidak menyala (📖195).

Item	Pilihan	Mod Penangkapan			
		P	Tv	Av	M
Mod Flash	Auto*1	○	○	○	○
	Manual*2	○	○	○	○
Komp Flash*3	-3 ke +3	○	○	○	○
Output flash*4	1/128*5 ke 1/1 (dalam kenaikan hentian 1/3)	○	○	○	○
Shutter Sync.	Tirai 1/Tirai 2/Hi-speed	○	○	○	○
Fungsi Wireles*6	Padam/Optik/Radio	○	○	○	○
Red-Eye Lamp	On/Padam	○	○	○	○
Keselamatan FE*7	On	○	○	○	-
	Padam	○	○	○	○
Padam setin flash*8		○	○	○	○

- *1 Mod E-TTL digunakan untuk denyar.
- *2 Mod M digunakan untuk denyar.
Dalam mod penangkapan **[M]**, mod E-TTL juga tersedia untuk denyar. Dalam keadaan ini, apabila denyar menyala, pampasan pendedahan denyar yang ditetapkan pada denyar digunakan pada tahap output denyar yang ditetapkan pada kamera.
- *3 Hanya boleh dikonfigurasi apabila [Mod Denyar] ditetapkan ke [Auto] dan pampasan pendedahan denyar yang ditetapkan pada denyar adalah [+0]. Apabila anda melaraskan pampasan pendedahan denyar pada Speedlite 600EX-RT, 600EX, 580EX II atau 430EX II, paparan kamera akan dikemas kini sewajarnya.
- *4 Boleh dikonfigurasi apabila [Mod Flash] adalah [Manual]. Dikaitkan dengan tetapan pada unit denyar.
- *5 1/64 untuk Speedlite 430EX II/430EX/320EX/270EX II/270EX.
- *6 Konfigurasi pilihan lain pada unit denyar tersebut. Tersedia dengan Speedlite 580EX II/600EX-RT/600EX/90EX. Apabila item tidak ditetapkan kepada [Padam], [Shutter Sync.] tidak boleh ditetapkan kepada [Tirai 2]. (Jika [Shutter Sync.] ditetapkan kepada [Tirai 2], ia akan ditukar menjadi [Tirai 1].)
- *7 Boleh dikonfigurasi hanya apabila [Mod Flash] adalah [Auto].
- *8 Memulihkan semua tetapan lalai. Anda juga boleh pulihkan tetapan lalai untuk [Keselamatan FE] dan [Red-Eye Lamp] dengan menggunakan [Reset Semua] pada tab **[4]** pada kamera (📖165).



- Dalam mod penangkapan **[AUTO]**, ikon yang mewakili pemandangan penangkapan Senyuman, Tidur, Bayi (Senyuman), Bayi (Tidur) dan Kanak-kanak yang ditentukan oleh kamera tidak dipaparkan dan kamera tidak menangkap secara berterusan (📖40).

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori


Lampiran

Indeks



Menggunakan Mikrofon Luaran

Mikrofon luaran dengan palam mini (3.5 mm diameter) boleh disambungkan ke terminal IN mikrofon luaran (📖4) untuk digunakan dalam rakaman. Ambil perhatian bahawa mikrofon terbina dalam tidak digunakan untuk rakaman apabila mikrofon luaran disambungkan.



Buka penutup dan sambungkan mikrofon luaran.




- Sebarang tetapan pengecil yang telah anda konfigurasi juga digunakan untuk rakaman dengan mikrofon luaran (📖76).
- Menyambungkan mikrofon luaran akan menyahaktifkan [Tapisan angin] (📖76).

Menggunakan Fon kepala (Dijual Berasingan)


▶ Imej Pegun ▶ Filem

Fon kepala boleh digunakan untuk mendengar audio semasa kamera merekodnya apabila anda merakam atau apabila anda bermain balik filem.



1 Sambungkan fon kepala.

- Buka penutup dan sambungkan fon kepala.



2 Konfigurasi tetapan.

- Tekan butang [MENU], pilih tab [🔍3] ▶ [Fon kepala], tekan butang [🔊8] dan kemudian tekan butang [▲][▼] untuk menetapkan volum kepada [0].
- Pakai fon kepala dan tekan butang [▲][▼] untuk melaraskan volum.



- Audio tidak akan dirakam dalam filem yang anda merakam lagi jika anda menyambungkan fon kepala ke terminal IN mikrofon luaran secara tidak sengaja semasa merakam.



- Dalam mod penangkapan selain daripada mod Filem, audio hanya dihantar ke fon kepala semasa rakaman filem dan apabila anda melaraskan volum untuk [Fon kepala] (📖177) atau [Tahap] (📖76).
- Tiada audio dihantar ke fon kepala semasa penangkapan kawalan jauh (📖156) atau semasa sambungan Wi-Fi lain.
- Audio tidak dihantar ke fon kepala yang disambungkan ke terminal IN mikrofon luaran. Sambungkan fon kepala ke soket fon kepala.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



Menggunakan Perisian

Untuk menggunakan ciri perisian berikut, muat turun perisian dari laman web Canon dan pasangkannya pada komputer anda.

- CameraWindow
 - Hantar imej ke komputer anda
- Image Transfer Utility
 - Sediakan Sync Imej (📖153) dan terima imej
- Map Utility
 - Gunakan peta untuk melihat maklumat GPS yang ditambah ke imej
- Digital Photo Professional
 - Semak lalu, proses dan edit imej RAW



• Untuk melihat dan mengedit filem pada komputer, gunakan peranti yang sudah dipasang atau tersedia umum yang serasi dengan filem yang dirakam oleh kamera.

Sambungan Komputer melalui Kabel

Memeriksa Persekitaran Komputer Anda

Perisian ini boleh digunakan pada komputer berikut. Untuk keperluan sistem dan maklumat keserasian yang terperinci, termasuk sokongan dalam sistem pengendalian yang baharu, lawati laman web Canon.

- Windows 8/8.1
- Windows 7 SP1
- Mac OS X 10.9
- Mac OS X 10.8




Apabila menghantar imej ke komputer melalui Wi-Fi, periksa keperluan sistem dalam "Memeriksa Persekitaran Komputer Anda" (📖140).

Memasang Perisian

Untuk arahan pemasangan perisian, lihat "Memasang Perisian" (📖140).

Menyimpan Imej ke Komputer

Dengan menggunakan kabel USB (dijual berasingan; hujung kamera: Mini-B), anda boleh menyambungkan kamera ke komputer dan menyimpan imej ke komputer.



1 Sambungkan kamera ke komputer.

• Dengan kamera dimatikan, buka penutup (1). Dengan palam kabel USB yang lebih kecil dalam orientasi seperti yang ditunjukkan, masukkan palam sepenuhnya ke dalam terminal kamera (2).

• Masukkan palam kabel USB yang lebih besar ke dalam port USB komputer. Untuk butiran mengenai sambungan USB pada komputer, rujuk kepada manual pengguna komputer.

2 Hidupkan kamera untuk mengakses CameraWindow.

• Tekan butang [▶] untuk menghidupkan kamera.

• Mac OS: CameraWindow dipaparkan apabila sambungan diwujudkan antara kamera dan komputer.

• Windows: Ikuti langkah yang ditunjukkan di bawah.

• Pada skrin yang dipaparkan, klik pautan menukar program [📷].

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi


Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks






- Pilih [Downloads Images From Canon Camera] dan kemudian klik [OK].




- Dwiklik [].

3 Simpan imej ke komputer.

- Klik [Import Images from Camera] dan kemudian klik [Import Untransferred Images].
- Imej kini disimpan dalam folder Pictures pada komputer, dalam folder berasingan yang dinamakan berdasarkan tarikh.
- Selepas imej disimpan, tutup CameraWindow, tekan butang [] untuk mematikan kamera dan mencabut kabel.
- Untuk melihat imej yang anda simpan dalam komputer, gunakan perisian yang sudah dipasang atau tersedia umum yang serasi dengan imej yang ditangkap oleh kamera.



- Windows 7: Jika skrin dalam langkah 2 tidak dipaparkan, klik ikon [] pada bar tugas.
- Mac OS: Jika CameraWindow tidak dipaparkan selepas langkah 2, klik ikon [CameraWindow] pada Dock.
- Walaupun anda boleh menyimpan imej ke komputer hanya dengan menyambungkan kamera anda ke komputer tanpa menggunakan perisian, batasan berikut dikenakan.
 - Selepas anda menyambungkan kamera ke komputer, ia mungkin mengambil masa beberapa minit hingga imej dalam kamera boleh diakses.
 - Imej yang ditangkap dalam orientasi menegak mungkin akan disimpan dalam orientasi mendatar.
 - Imej RAW (atau imej JPEG yang direkod dengan imej RAW) mungkin tidak disimpan.
 - Tetapan perlindungan imej mungkin dipadamkan daripada imej yang disimpan dalam komputer.
 - Sesetengah masalah mungkin berlaku apabila menyimpan imej atau maklumat imej, bergantung pada versi sistem pengendalian, perisian yang sedang digunakan atau saiz fail imej.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



Mencetak Imej

► Imej Pegun ► Filem



Tangkapan anda boleh dicetak dengan mudah dengan menyambungkan kamera ke pencetak. Pada kamera, anda boleh menentukan imej untuk menyediakan pencetakan berkelompok, menyiapkan pesanan untuk perkhidmatan pencucian foto dan menyiapkan pesanan atau mencetak imej untuk buku foto.

Pencetak foto padat siri SELPHY CP Canon digunakan di sini untuk tujuan ilustrasi sahaja. Skrin yang dipaparkan dan fungsi yang tersedia berbeza mengikut pencetak. Rujuk juga kepada manual pencetak untuk maklumat tambahan.

Cetak Mudah

► Imej Pegun ► Filem

Cetak tangkapan anda dengan menyambungkan kamera ke pencetak serasi PictBridge dengan kabel USB (dijual berasingan; hujung kamera: Mini-B).





1 Pastikan kamera dan pencetak dimatikan.

2 Sambungkan kamera ke pencetak.

- Buka penutup terminal. Dengan memegang palam kabel yang kecil dalam orientasi seperti yang ditunjukkan, masukkan palam sepenuhnya ke dalam terminal kamera.
- Sambungkan palam kabel yang lebih besar ke pencetak. Untuk butiran sambungan yang lain, rujuk kepada manual pencetak.

3 Hidupkan pencetak.



4 Hidupkan kamera.

- Tekan butang [▶] untuk menghidupkan kamera.

5 Pilih imej.

- Tekan butang [◀][▶] atau putar dail [⊙] untuk memilih imej.

6 Akses skrin pencetakan.

- Tekan butang [⊙], pilih [Cetak] dan kemudian tekan [⊙] sekali lagi.

7 Cetak imej tersebut.

- Tekan butang [▲][▼] atau putar dail [⊙] untuk memilih [Cetak] dan kemudian tekan butang [⊙].
- Pencetakan kini bermula.
- Untuk mencetak imej lain, ulangi prosedur di atas bermula dari langkah 5 setelah pencetakan selesai.
- Apabila anda sudah selesai mencetak, matikan kamera dan pencetak dan putuskan sambungan kabel.



- Untuk pencetak serasi PictBridge jenama Canon (dijual berasingan), lihat "Pencetak" (169).
- Imej RAW tidak boleh dicetak.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori


Lampiran

Indeks



Mengkonfigurasi Tetapan Pencetakan

▶ Imej Pegun ▶ Filem



1 Akses skrin pencetakan.

- Ikuti langkah 1 – 6 dalam “Cetak Mudah” (📖180) untuk mengakses skrin ini.

2 Konfigurasi tetapan.

- Tekan butang [▲][▼] atau putar dail [🌀] untuk memilih item dan kemudian tekan butang [📄]. Pada skrin seterusnya, pilih pilihan (sama ada tekan butang [▲][▼] atau putar dail [🌀]) dan kemudian tekan butang [📄] untuk kembali ke skrin pencetakan.

📄	Settin asal	Padan dengan tetapan pencetak semasa.
	Hb	Mencetak imej dengan penambahan tarikh.
	Nombor fail	Mencetak imej dengan penambahan nombor fail.
	Kedua-dua	Mencetak imej dengan penambahan tarikh dan nombor fail.
	Padam	–
📄	Settin asal	Padan dengan tetapan pencetak semasa.
	Padam	–
	On	Menggunakan maklumat dari waktu penangkapan untuk mencetak dengan tetapan yang optimum.
	Red-Eye 1	Membetulkan mata merah.
📄	Jumlah Salinan	Pilih jumlah helaian yang akan dicetak.
Memotong	–	Menentukan kawasan imej yang ingin dicetak (📖181).
Settin Kertas	–	Tentukan saiz, tataletak dan butiran lain bagi kertas (📖182).

Memotong Imej sebelum Mencetak


▶ Imej Pegun ▶ Filem

Dengan memotong imej sebelum mencetak, anda boleh mencetak kawasan imej yang diinginkan sahaja, bukan keseluruhan imej.



1 Pilih [Memotong].

- Selepas mengikuti langkah 1 dalam “Mengkonfigurasi Tetapan Pencetakan” (📖181) untuk mengakses skrin pencetakan, pilih [Memotong] dan tekan butang [📄].
- Bingkai pemotongan kini dipaparkan, menunjukkan kawasan imej untuk dicetak.



2 Laraskan bingkai pemotongan mengikut keperluan.

- Untuk menukar saiz bingkai, gerakkan tuas zum atau putar dail [🌀].
- Untuk menggerakkan bingkai, tekan butang [▲][▼][◀][▶].
- Untuk memutar bingkai, tekan butang [DISP].
- Apabila selesai, tekan butang [📄].

3 Cetak imej tersebut.

- Ikuti langkah 7 dalam “Cetak Mudah” (📖180) untuk mencetak.



- Pemotongan mungkin tidak boleh dilakukan pada saiz imej kecil atau pada sesetengah nisbah bidang.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori


Lampiran

Indeks



Memilih Saiz Kertas dan Tataletak sebelum Mencetak

▶ Imej Pegun ▶ Filem




1 Pilih [Settin Kertas].

- Selepas mengikuti langkah 1 dalam “Mengkonfigurasi Tetapan Pencetakan” (📖 181) untuk mengakses skrin pencetakan, pilih [Settin Kertas] dan tekan butang [🔍].



2 Pilih saiz kertas.

- Tekan butang [▲][▼] atau putar dail [🌀] untuk memilih pilihan dan kemudian tekan butang [🔍].



3 Pilih jenis kertas.

- Tekan butang [▲][▼] atau putar dail [🌀] untuk memilih pilihan dan kemudian tekan butang [🔍].



4 Pilih tataletak.

- Tekan butang [▲][▼] atau putar dail [🌀] untuk memilih pilihan.
- Apabila memilih [N-up], tekan butang [🔍]. Pada skrin seterusnya, pilih bilangan imej bagi setiap helaian (sama ada tekan butang [▲][▼] atau putar dail [🌀]) dan kemudian tekan butang [🔍].


5 Cetak imej tersebut.

Pilihan Tataletak Tersedia

Settin asal	Padan dengan tetapan pencetak semasa.
Berbingkai	Mencetak dengan ruang kosong di sekeliling imej.
Tiada tepi	Tanpa bingkai, pencetakan pinggir-ke-pinggir.
N-up	Pilih jumlah imej untuk dicetak pada setiap helaian.
Gambar ID	Mencetak imej untuk tujuan pengenalan. Hanya tersedia untuk imej dengan tetapan piksel L dan nisbah bidang 3:2.
Saiz tetap	Pilih saiz cetak. Pilih dari 3.5 x 5 inci, poskad atau pencetakan format lebar.

Mencetak Gambar ID

▶ Imej Pegun ▶ Filem



1 Pilih [Gambar ID].

- Ikuti langkah 1 – 4 dalam “Memilih Saiz Kertas dan Tataletak sebelum Mencetak” (📖 182), pilih [Gambar ID] dan tekan butang [🔍].

2 Pilih kepanjangan sisi panjang dan sisi pendek.

- Tekan butang [▲][▼] atau putar dail [🌀] untuk memilih item dan kemudian tekan butang [🔍]. Pada skrin seterusnya, pilih kepanjangan (sama ada tekan butang [▲][▼] atau putar dail [🌀]) dan kemudian tekan butang [🔍].

3 Pilih kawasan cetakan.

- Ikuti langkah 2 dalam “Memotong Imej sebelum Mencetak” (📖 181) untuk memilih kawasan pencetakan.

4 Cetak imej tersebut.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori


Lampiran

Indeks



Mencetak Adegan Filem

▶ Imej Pegun ▶ Filem



1 Akses skrin pencetakan.

- Ikuti langkah 1 – 6 dalam “Cetak Mudah” (180) untuk memilih filem. Skrin ini dipaparkan.

2 Pilih kaedah pencetakan.

- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih [1] dan kemudian tekan butang [OK]. Pada skrin seterusnya, pilih pilihan (sama ada tekan butang [▲][▼] atau putar dail [DIAL]) dan kemudian tekan butang [OK] untuk kembali ke skrin pencetakan.

3 Cetak imej tersebut.

Pilihan Pencetakan Filem

Tunggal	Mencetak adegan semasa sebagai imej pegun.
Urutan	Mencetak satu siri adegan, terpisah dengan selang tertentu, pada sehelai kertas. Anda juga boleh mencetak nombor folder, nombor fail dan waktu yang telah berlalu untuk bingkai dengan menetapkan [Penerangan] kepada [On].



- Untuk membatalkan pencetakan yang sedang dijalankan, tekan butang [OK], pilih [Ok] dan kemudian tekan butang [OK] sekali lagi.
- [Gambar ID] dan [Urutan] tidak boleh dipilih pada pencetak serasi PictBridge jenama Canon daripada CP720/CP730 dan model yang lebih awal.

Menambahkan Imej ke Senarai Cetak (DPOF)

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Pencetakan berkelompok (185) dan memesan pencetakan daripada perkhidmatan pencucian foto boleh disediakan dalam kamera. Pilih sehingga 998 imej pada kad memori dan konfigurasi tetapan yang berkaitan, seperti jumlah salinan, seperti berikut. Maklumat pencetakan yang anda sediakan dengan cara ini akan memenuhi standard DPOF (Digital Print Order Format).




- Imej RAW tidak boleh disertakan dalam senarai cetak.

Mengkonfigurasi Tetapan Pencetakan

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Tentukan format pencetakan, jika anda ingin menambah tarikh atau nombor fail dan tetapan lain seperti berikut. Tetapan ini digunakan untuk semua imej dalam senarai cetak.



- Tekan butang [MENU], pilih [Settin cetak] pada tab [4] dan kemudian tekan butang [OK].
- Tekan butang [▲][▼] atau putar dail [DIAL] untuk memilih [Settin cetak] dan kemudian tekan butang [OK]. Pada skrin seterusnya, pilih dan konfigurasi item mengikut keperluan (31).

Jenis cetak	Standard	Satu imej dicetak untuk setiap helaian.
	Indeks	Versi lebih kecil bagi berbilang imej dicetak untuk setiap helaian.
	Kedua-dua	Kedua-dua format indeks dan standard dicetak.
Hb	On	Imej dicetak dengan tarikh penangkapan.
	Padam	–
Nombor fail	On	Imej dicetak dengan nombor fail.
	Padam	–
Hps data DPOF	On	Semua tetapan senarai cetak imej dipadam selepas pencetakan.
	Padam	–

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks






- Dalam sesetengah kes, bukan semua tetapan DPOF anda akan digunakan dalam pencetakan oleh pencetak atau perkhidmatan pencucian foto.
- **[!]** mungkin dipaparkan pada kamera untuk memberi amaran bahawa kad memori mempunyai tetapan cetak yang dikonfigurasi pada kamera lain. Menukar tetapan cetak menggunakan kamera ini mungkin menulis ganti semua tetapan sebelumnya.



- Menentukan [Indeks] akan menghalang anda daripada memilih [On] untuk [Hb] dan [Nombor fail] pada masa yang sama.
- Pencetakan indeks tidak tersedia pada sesetengah pencetak serasi PictBridge jenama Canon (dijual berasingan).
- Tarikh dicetak dalam format yang sepadan dengan butiran tetapan pada [Hb/Masa] pada tab **[2]** (121).

Menyediakan Pencetakan untuk Imej Berasingan

▶ Imej Pegun ▶ Filem



1 Pilih [Pilih imej & kuantiti].

- Tekan butang **[MENU]**, pilih [Settin cetak] pada tab **[4]** dan kemudian tekan butang **[2]**.
- Tekan butang **[▲][▼]** atau putar dail **[2]** untuk memilih [Pilih imej & kuantiti] dan kemudian tekan butang **[2]** (131).

2 Pilih imej.

- Tekan butang **[◀][▶]** atau putar dail **[2]** untuk memilih imej dan kemudian tekan butang **[2]**.
- Sekarang anda boleh menentukan jumlah salinan.
- Jika anda menentukan pencetakan indeks untuk imej, ia dilabelkan dengan ikon **[✓]**. Untuk membatalkan pencetakan indeks bagi imej, tekan butang **[2]** sekali lagi. **[✓]** tidak dipaparkan lagi.




3 Tentukan jumlah pencetakan.

- Tekan butang **[▲][▼]** atau putar dail **[2]** untuk menentukan jumlah pencetakan (sehingga 99).
- Untuk menyediakan pencetakan bagi imej lain dan menentukan jumlah pencetakan, ulangi langkah 2 – 3.
- Kuantiti pencetakan tidak boleh ditentukan untuk pencetakan indeks. Anda hanya boleh memilih gambar mana yang akan dicetak, dengan mengikuti langkah 2.
- Setelah selesai, tekan butang **[MENU]** untuk kembali ke skrin menu.

Menyediakan Pencetakan untuk Berbagai-bagai Imej


▶ Imej Pegun ▶ Filem



- Ikuti langkah 1 dalam “Menyediakan Pencetakan untuk Imej Berasingan” (184), pilih [Pilih Julat] dan tekan butang **[2]**.
- Ikuti langkah 2 - 3 dalam “Memilih Julat” (117) untuk menentukan imej.
- Tekan butang **[▲][▼]** untuk memilih [Urutan] dan kemudian tekan butang **[2]**.

Menyediakan Pencetakan untuk Semua Imej

▶ Imej Pegun ▶ Filem



- Ikuti langkah 1 dalam “Menyediakan Pencetakan untuk Imej Berasingan” (184), pilih [Pilih semua imej] dan tekan butang **[2]**.
- Tekan butang **[◀][▶]** atau putar dail **[2]** untuk memilih [OK] dan kemudian tekan butang **[2]**.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan


Aksesori

Lampiran

Indeks



Memadam Semua Imej daripada Senarai Cetak



- Ikuti langkah 1 dalam “Menyediakan Pencetakan untuk Imej Berasingan” (184), pilih [Hapus semua pilihan] dan tekan butang [OK].
- Tekan butang [Left] [Right] atau putar dail [Dial] untuk memilih [OK] dan kemudian tekan butang [OK].

Mencetak Imej yang Ditambah ke Senarai Cetak (DPOF)

▶ Imej Pegun ▶ Filem




- Apabila imej telah ditambah ke senarai cetak (183 – 184), skrin akan dipaparkan selepas anda menyambungkan kamera ke pencetak serasi PictBridge. Tekan butang [Up] [Down] untuk memilih [Cetak sekarang] dan kemudian tekan sahaja butang [OK] untuk mencetak imej dalam senarai cetak.
- Sebarang kerja cetak DPOF yang anda hentikan buat sementara akan diteruskan dari imej berikutnya.

Menambah Imej ke Buku Foto

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Buku foto boleh disediakan pada kamera dengan memilih hingga 998 imej pada kad memori dan mengimport imej tersebut ke perisian pada komputer anda, di mana imej tersebut akan disimpan dalam folder tersendiri. Ini akan memudahkan anda apabila memesan cetakan buku foto dalam talian atau mencetak buku foto dengan pencetak anda sendiri.

Memilih Kaedah Pemilihan




- Tekan butang [MENU], pilih [Settin Photobok] pada tab [4] dan kemudian pilih bagaimana anda akan memilih imej.



- [Info] mungkin dipaparkan pada kamera untuk memberi amaran bahawa kad memori mempunyai tetapan cetak yang dikonfigurasi pada kamera lain. Menukar tetapan cetak menggunakan kamera ini mungkin menulis ganti semua tetapan sebelumnya.

Menambah Imej Secara Individu

▶ Imej Pegun ▶ Filem



1 Pilih [Pilih].

- Ikuti prosedur dalam “Memilih Kaedah Pemilihan” (185), pilih [Pilih] dan tekan butang [OK].

2 Pilih imej.

- Tekan butang [Left] [Right] atau putar dail [Dial] untuk memilih imej dan kemudian tekan butang [OK].
- [Checkmark] dipaparkan.
- Untuk memadamkan imej daripada buku foto, tekan butang [OK] sekali lagi. [Checkmark] tidak dipaparkan lagi.
- Ulangi proses ini untuk menentukan imej yang lain.
- Setelah selesai, tekan butang [MENU] untuk kembali ke skrin menu.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori


Lampiran

Indeks



Menambah Semua Imej ke Buku Foto


► Imej Pegun ► Filem



- Ikuti prosedur dalam “Memilih Kaedah Pemilihan” (📖 185), pilih [Pilih semua imej] dan tekan butang [📁].
- Tekan butang [◀][▶] atau putar dail [🌀] untuk memilih [Ok] dan kemudian tekan butang [📁].

Memadam Semua Imej dari Buku Foto

► Imej Pegun ► Filem



- Ikuti prosedur dalam “Memilih Kaedah Pemilihan” (📖 185), pilih [Hapus semua pilihan] dan tekan butang [📁].
- Tekan butang [◀][▶] atau putar dail [🌀] untuk memilih [Ok] dan kemudian tekan butang [📁].

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



Lampiran

Maklumat yang berguna apabila menggunakan kamera

Penyelesaian masalah

Jika anda fikir terdapat masalah dengan kamera, periksa terlebih dahulu perkara berikut. Jika item di bawah tidak menyelesaikan masalah anda, hubungi Canon Customer Support Help Desk.

Kuasa

Tiada apa yang terjadi apabila butang kuasa ditekan.

- Pastikan pek bateri telah dicas (19).
- Pastikan pek bateri dimasukkan menghadap arah yang betul (20).
- Terminal bateri yang kotor mengurangkan prestasi bateri. Cuba bersihkan terminal dengan swab kapas dan masukkan kembali pek bateri beberapa kali.

Pek bateri kehabisan kuasa dengan cepat.

- Prestasi bateri menurun pada suhu rendah. Cuba hangatkan pek bateri sedikit dengan meletakkannya di dalam poket anda, sebagai contoh, pastikan bahawa terminal tidak menyentuh sebarang benda logam.
- Terminal bateri yang kotor mengurangkan prestasi bateri. Cuba bersihkan terminal dengan swab kapas dan masukkan kembali pek bateri beberapa kali.
- Jika langkah ini tidak membantu dan pek bateri masih kehabisan kuasa dengan cepat setelah dicas, bateri sudah mencapai akhir hayatnya. Beli pek bateri yang baharu.

Lensa tidak ditarik balik.

- Jangan buka penutup kad memori/bateri ketika kamera dihidupkan. Tutup penutup, hidupkan kamera dan kemudian matikan ia semula (20).

Pek bateri bengkak.

- Pembengkakan bateri adalah normal dan tidak menimbulkan masalah keselamatan. Namun, jika pembengkakan bateri menghalang pek bateri dimasukkan ke dalam kamera, hubungi Canon Customer Support Help Desk.

Papar pada TV

Imej kamera kelihatan herot atau tidak dipaparkan pada TV (169).

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



Menangkap

Tidak boleh tangkap.

- Dalam mod Main balik (📖106), tekan butang pengatup separuh ke bawah (📖27).

Paparan yang pelik pada skrin dalam cahaya malap (📖29).

Paparan yang pelik pada skrin apabila menangkap.

- Ambil perhatian bahawa masalah paparan berikut tidak dirakam dalam imej pegun tetapi dirakam dalam filem.
 - Skrin mungkin berkelip dan mungkin terdapat jalur melintang di bawah pencahayaan pendarfluor atau LED.

Paparan skrin penuh tidak tersedia ketika menangkap (📖96).

⚡ menyala pada skrin apabila butang pengatup ditekan dan penangkapan tidak boleh dilakukan (📖38).

📷 dipaparkan apabila butang pengatup ditekan separuh ke bawah (📖38).

- Tetapkan [Mod IS] kepada [Berterusan] (📖56).
- Naikkan denyar dan tetapkan mod denyar kepada ⚡ (📖93).
- Tambahkan kelajuan ISO (📖80).
- Pasangkan kamera pada tripod atau ambil langkah lain untuk memastikannya stabil. Selain itu, anda harus menetapkan [Mod IS] kepada [Padam] apabila menggunakan tripod atau ambil langkah lain untuk memasang kamera dengan kukuh (📖56).

Tangkapan berada di luar fokus.

- Tekan butang pengatup separuh ke bawah untuk fokus pada subjek sebelum menemukannya sepenuhnya ke bawah untuk menangkap (📖27).
- Pastikan subjek berada dalam julat pemfokusan (📖213).
- Tetapkan [Beam bantu AF] kepada [On] (📖57).
- Pastikan fungsi yang tidak diperlukan seperti makro dimatikan.
- Cuba menangkap dengan kunci fokus atau kunci AF (📖89, 📖93).

Imej menjadi kabur.

- Bergantung pada keadaan tangkapan, kekaburan lebih kerap terjadi apabila Pengatup Sentuh digunakan untuk menangkap. Pegang kamera dengan kemas apabila menangkap.

Tiada bingkai AF dipaparkan dan kamera tidak memfokus apabila butang pengatup ditekan separuh ke bawah.

- Agar bingkai AF dipaparkan dan kamera memfokus dengan betul, cuba mengubah tangkapan dengan memusatkan kawasan subjek dengan kontras yang lebih tinggi sebelum anda menekan butang pengatup separuh ke bawah. Jika tidak, cuba tekan butang pengatup separuh ke bawah berulang kali.

Subjek dalam tangkapan kelihatan terlalu gelap.

- Naikkan denyar dan tetapkan mod denyar kepada ⚡ (📖93).
- Laraskan kecerahan dengan menggunakan pampasan pendedahan (📖79).
- Gunakan kunci AE atau pemeteran titik (📖79, 📖79).

Subjek kelihatan terlalu cerah, sorotan menjadi pudar.

- Rendahkan denyar dan tetapkan mod denyar kepada 📷 (📖35).
- Laraskan kecerahan dengan menggunakan pampasan pendedahan (📖79).
- Gunakan kunci AE atau pemeteran titik (📖79, 📖79).
- Kurangkan pencahayaan pada subjek.

Tangkapan kelihatan terlalu gelap walaupun denyar menyala (📖38).

- Tangkap dalam lingkungan julat denyar (📖213).
- Laraskan kecerahan dengan menggunakan pampasan pendedahan denyar atau menukar tahap output denyar (📖94, 📖101).
- Tambahkan kelajuan ISO (📖80).

Subjek dalam tangkapan denyar kelihatan terlalu cerah, sorotan menjadi pudar.

- Tangkap dalam lingkungan julat denyar (📖213).
- Rendahkan denyar dan tetapkan mod denyar kepada 📷 (📖35).
- Laraskan kecerahan dengan menggunakan pampasan pendedahan denyar atau menukar tahap output denyar (📖94, 📖101).

Titik putih muncul dalam tangkapan denyar.

- Ini disebabkan oleh cahaya dari denyar yang membalikkan debu atau partikel udara.

Imej kelihatan berbintik.

- Kurangkan kelajuan ISO (📖80).
- Kelajuan ISO yang tinggi dalam sesetengah mod penangkapan mungkin menyebabkan imej berbintik (📖61).

Subjek dipengaruhi oleh mata merah.

- Tetapkan [Red-Eye Lamp] kepada [On] (📖57). Lampu pengurangan mata merah (📖4) akan menyala untuk tangkapan denyar. Untuk mendapatkan hasil terbaik, buat subjek memandang ke arah lampu pengurangan mata merah. Juga cuba meningkatkan pencahayaan suasana ruang dalaman dan menangkap dalam julat yang lebih dekat.
- Edit imej dengan menggunakan pembedahan mata merah (📖127).

Merekod ke dalam kad memori mengambil masa terlalu lama atau rakaman berterusan menjadi lebih perlahan.

- Gunakan kamera untuk melakukan pemformatan tahap rendah pada kad memori (📖160).

Tetapan penangkapan atau tetapan menu Tetap Cepat tidak tersedia.

- Item tetapan yang tersedia berbeza mengikut mod penangkapan. Rujuk kepada "Fungsi Tersedia dalam Setiap Mod Penangkapan", "Menu Tetap Cepat" dan "Tab Penangkapan" (📖195 – 📖200).

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



Ikon Bayi atau Kanak-kanak tidak dipaparkan.

- Jika hari jadi tidak ditetapkan dalam maklumat wajah, ikon Bayi dan Kanak-kanak tidak akan dipaparkan (📖48). Jika ikon masih belum dipaparkan walaupun selepas anda menetapkan hari jadi, daftarkan semula maklumat wajah (📖48), atau pastikan tarikh/masa ditetapkan dengan betul (📖163).

AF Sentuh atau Pengatup Sentuh tidak berfungsi.

- AF Sentuh atau Pengatup Sentuh tidak akan berfungsi jika anda menyentuh pinggir skrin. Sentuh lebih dekat ke pusat skrin.

Merakam Filem

Masa berlalu yang dipaparkan tidak betul atau rakaman diganggu.

- Gunakan kamera untuk memformat kad memori atau tukar kepada kad yang menyokong rakaman berkelajuan tinggi. Ambil perhatian bahawa walaupun masa berlalu yang dipaparkan tidak betul, panjang filem pada kad memori adalah sama dengan panjang masa rakaman sebenar (📖160, 📖213).

📌 dipaparkan dan rakaman berhenti secara automatik.

- Penimbal memori dalaman kamera terisi penuh kerana kamera tidak dapat merekod ke kad memori dengan cukup cepat. Cuba salah satu langkah berikut.
 - Gunakan kamera untuk melakukan pemformatan tahap rendah pada kad memori (📖160).
 - Turunkan kualiti imej (📖54).
 - Tukar kepada kad memori yang menyokong rakaman berkelajuan tinggi (📖213).

Mengezum tidak berfungsi.

- Mengezum tidak berfungsi dalam mod 📷 (📖70).
- Mengezum tidak berfungsi apabila merakam filem dalam mod 📹 (📖64).

Subjek kelihatan herot.

- Subjek yang berlalu dengan cepat di depan kamera mungkin kelihatan herot. Ini bukan kepingangan.

Main Balik

Main balik tidak berfungsi.

- Main balik imej atau filem mungkin tidak berfungsi jika komputer digunakan untuk menamakan semula fail atau mengubah struktur folder.

Main balik berhenti atau audio melangkau.

- Tukar kepada kad memori yang telah dilakukan pemformatan tahap rendah dengan kamera (📖160).
- Mungkin terdapat sedikit gangguan apabila memainkan filem yang disalin ke kad memori yang memiliki kelajuan membaca yang rendah.
- Apabila filem dimainkan pada komputer, bingkai mungkin jatuh dan audio mungkin melangkau jika prestasi komputer tidak memadai.

Tiada bunyi yang dimainkan semasa filem dimainkan.

- Laraskan volum (📖24) jika anda telah mengaktifkan [Bisu] (📖163) atau bunyi di dalam filem lemah.
- Tiada bunyi yang dimainkan untuk rakaman filem dalam mod 📹 (📖64) atau 📷 (📖71) kerana audio tidak dirakam dalam mod tersebut.

Tidak dapat mengakses skrin utama Sorotan Kisah dengan menekan butang [▼].

- Paparan skrin utama tidak berfungsi apabila disambungkan ke pencetak. Putuskan sambungan kamera daripada pencetak.
- Paparan skrin utama tidak berfungsi ketika penyambungan Wi-Fi. Putuskan sambungan Wi-Fi.

Ikon subjek yang diingini untuk album tidak dipaparkan pada skrin utama Sorotan Kisah.

- Dalam mod paparan maklumat ringkas (📖108), pilih imej yang menunjukkan nama orang bagi album sebelum mengakses skrin utama Sorotan Kisah (📖130).

Kad Memori

Kad memori tidak dikenali.

- Hidupkan semula kamera dengan kad memori berada di dalamnya (📖26).

Komputer

Tidak dapat pindah imej ke komputer.

- Apabila memindah imej ke komputer melalui kabel, cuba kurangkan kelajuan pindahan seperti berikut.
 - Tekan butang [▶] untuk masuk ke mod Main balik. Tahan butang [MENU] ke bawah dan pada masa yang sama tekan butang [▲] dan [📷]. Pada skrin seterusnya, tekan butang [◀][▶] untuk memilih [B] dan kemudian tekan butang [📷].

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks








Wi-Fi


Tidak dapat mengakses menu Wi-Fi dengan menekan butang .

- Menu Wi-Fi tidak tersedia dalam mod Penangkapan. Tukar kepada mod Main balik dan cuba sekali lagi.
- Dalam mod Main balik, menu Wi-Fi tidak dapat diakses ketika paparan diperbesar atau paparan indeks. Tukar kepada paparan imej tunggal dan cuba sekali lagi. Begitu juga, menu Wi-Fi tidak dapat diakses ketika main balik kumpulan atau paparan imej berturas mengikut syarat yang ditetapkan. Batal main balik imej berkumpulan atau berturas.
- Menu Wi-Fi tidak boleh diakses ketika kamera bersambung pada pencetak, komputer atau TV melalui kabel. Tanggalkan kabel.


Tidak dapat menambah peranti/destinasi.

- Keseluruhan 20 item maklumat sambungan boleh ditambahkan ke kamera. Padamkan maklumat sambungan yang tidak diperlukan dari kamera terlebih dahulu dan kemudian tambahkan peranti/destinasi yang baharu (157).
- Menggunakan komputer atau telefon pintar untuk mendaftar perkhidmatan Web (145).
- Untuk menambahkan telefon pintar, pasangkan aplikasi khusus Camera Connect pada telefon pintar anda terlebih dahulu (136).
- Untuk menambah komputer, pasangkan perisian CameraWindow pada komputer anda terlebih dahulu. Periksa juga tetapan dan persekitaran Wi-Fi dan komputer anda (140, 142).
- Jangan gunakan kamera berdekatan dengan sumber gangguan isyarat Wi-Fi, seperti ketuhar gelombang mikro, peranti Bluetooth atau peralatan lain yang beroperasi pada jalur 2.4 GHz.
- Dekatkan kamera dengan peranti lain yang anda ingin hubungkan (seperti pusat akses) dan pastikan tiada objek antara kedua-dua peranti tersebut.

Tidak boleh disambung ke pusat akses.

- Pastikan saluran pusat akses ditetapkan ke saluran yang disokong oleh kamera (211). Ambil perhatian bahawa adalah disarankan untuk menentukan saluran yang disokong secara manual dan bukan menggunakan pencarian saluran auto.



Tidak dapat menghantar imej.

- Peranti destinasi tidak mempunyai ruang penyimpanan yang mencukupi. Tingkatkan ruang penyimpanan pada peranti destinasi dan hantar semula imej.
- Suis perlindungan tulis kad memori di dalam kamera destinasi ditetapkan ke posisi terkunci. Luncurkan suis perlindungan tulis ke posisi nyahkunci.
- Imej RAW tidak boleh dihantar. Untuk imej yang ditangkap dalam kedua-dua format JPEG dan RAW, hanya versi JPEG yang dihantar. Walau bagaimanapun, imej RAW boleh dihantar menggunakan Penyegerakan Imej.
- Imej tidak dihantar ke CANON iMAGE GATEWAY atau perkhidmatan Web yang lain jika anda memindah atau menamakan semula fail atau folder imej pada komputer yang menerima imej yang dihantar menggunakan Penyegerakan Imej melalui pusat akses (153). Sebelum memindah atau menukar nama fail imej atau folder pada komputer, pastikan imej tersebut sudah dihantar ke CANON iMAGE GATEWAY atau perkhidmatan Web yang lain.


Tidak boleh menukar saiz imej yang dihantar.

- Imej tidak boleh ditukar saiznya menjadi lebih besar daripada tetapan piksel saiz asalnya.
- Filem tidak boleh ditukar saiz.

Imej mengambil masa yang lama untuk dihantar./Sambungan wayarles terganggu.

- Penghantaran berbilang imej mungkin mengambil masa yang lama untuk dihantar. Cuba menukar saiz imej untuk mengurangkan masa penghantaran (153).
- Penghantaran filem mungkin mengambil masa yang lama.
- Jangan gunakan kamera berdekatan dengan sumber gangguan isyarat Wi-Fi, seperti ketuhar gelombang mikro, peranti Bluetooth atau peralatan lain yang beroperasi pada jalur 2.4 GHz. Ambil perhatian bahawa penghantaran imej mungkin mengambil masa yang lama walaupun apabila  dipaparkan.
- Dekatkan kamera dengan peranti lain yang anda ingin hubungkan (seperti pusat akses) dan pastikan tiada objek antara kedua-dua peranti tersebut.

Ingin memadam maklumat sambungan Wi-Fi sebelum membuang kamera atau memberikannya kepada orang lain.

- Tetapkan semula tetapan Wi-Fi (158).

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



Mesej Pada Skrin

Jika mesej ralat dipaparkan, lakukan seperti berikut.

Tangkap atau Main Balik

Tiada memori kad

- Kad memori mungkin dimasukkan mengikut arah yang salah. Masukkan semula kad memori dengan menghadap ke arah yang betul (1120).

Kad memori terkunci

- Suis perlindungan tulis kad memori ditetapkan ke posisi terkunci. Tukar suis perlindungan tulis ke posisi nyahkunci (1120).

Tidak boleh rekod

- Penangkapan dilakukan tanpa kad memori di dalam kamera. Untuk menangkap, masukkan kad memori dengan menghadap ke arah yang betul (1120).

Kesilapan kad memori (1160)

- Jika mesej ralat yang sama dipaparkan walaupun setelah anda memformat kad memori yang disokong (112) dan telah memasukkannya dengan menghadap ke arah yang betul (1120), hubungi Canon Customer Support Help Desk.

Tdk cukup ruang dlm kad

- Tiada ruang kosong yang cukup pada kad memori untuk menangkap (1135, 1159, 1178, 1198) atau mengedit imej (1124). Sama ada padam imej yang tidak diperlukan (1118) atau masukkan kad memori dengan ruang kosong yang mencukupi (1120).

Tiada Sentuhan AF

- AF Sentuh tidak tersedia dalam mod penangkapan semasa (1195).

Sentuhan AF dibatalkan

- Subjek yang dipilih untuk AF Sentuh tidak dapat dikesan lagi (1192).

Caskan bateri (1119)

Tiada gambar.

- Kad memori tidak mempunyai sebarang imej untuk dipaparkan.

Dilindungi! (1116)

Imej Tdk Dikenali/JPEG tdk kompatibel/Imej terlalu besar/tdk blh main balik MOV/tdk blh main balik MP4

- Imej yang tidak disokong atau rosak tidak boleh dipaparkan.
- Imej yang diedit atau dinamakan semula pada komputer atau imej yang ditangkap menggunakan kamera lain mungkin tidak dapat dipaparkan.

Tidak boleh memperbesar/Tidak boleh putar/Tidak boleh ubah imej/Tdk blh edit/Tdk blh menetapkan kategori/Imej tidak boleh dipilih/Tiada info identifikasi

- Fungsi berikut mungkin tidak tersedia untuk imej yang dinamakan semula atau diedit pada komputer atau imej yang ditangkap menggunakan kamera lain. Ambil perhatian bahawa fungsi yang bertanda bintang (*) tidak tersedia untuk filem. Edit Maklumat ID* (1114), Membesarkan* (1115), Putar* (1120), Kesukaan (1121), Edit* (1124), Senarai Cetak* (1183) dan Persediaan Buku Foto* (1185).

Pelbagai pilihan tdk sah

- Apabila menentukan julat untuk pemilihan imej (1117, 1120, 1184), anda cuba memilih imej terawal selepas imej terakhir atau sebaliknya.

Melebihi batas pilihan

- Lebih daripada 998 imej dipilih untuk Senarai Cetak (1183) atau Persediaan Buku Foto (1185). Pilih 998 imej atau kurang.
- Tetapan Senarai Cetak (1183) atau Buku Foto (1185) tidak dapat disimpan dengan betul. Kurangkan jumlah imej yang dipilih dan cuba sekali lagi.
- Anda cuba memilih lebih daripada 500 imej dalam Lindung (1116), Padam (1118), Kesukaan (1121), Senarai Cetak (1183) atau Persediaan Buku Foto (1185).

Kesilapan penamaan

- Folder tidak dapat diwujudkan atau imej tidak dapat direkod, kerana jumlah folder terbanyak yang disokong (999) untuk menyimpan imej pada kad telah dicapai dan jumlah imej terbanyak yang disokong (9999) untuk imej dalam folder telah dicapai. Pada tab [1], tukar [Penomboran Fail] ke [Auto reset] (1159) atau format kad memori (1160).

Kesilapan lensa

- Ralat ini mungkin terjadi jika lensa dipegang ketika sedang bergerak atau apabila kamera digunakan di lokasi yang berdebu atau berpasir.
- Paparan kerap mesej ralat ini mungkin menandakan kerosakan kamera. Dalam keadaan ini, hubungi Canon Customer Support Help Desk.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

Asas Kamera

Mod Auto /
Mod Auto Hibrid

Mod Penangkapan Lain

Mod P

Mod Tv, Av, M, C1 dan C2

Mod Main Balik

Fungsi Wi-Fi

Menu Tetapan

Aksesori

Lampiran

Indeks



Kesilapan kamera terdeteksi (*nombor ralat*)

- Jika mesej ralat ini dipaparkan sejeurus selepas tangkapan, imej mungkin tidak disimpan. Tukar kepada mod Main balik untuk memeriksa imej.
- Paparan kerap mesej ralat ini mungkin menandakan kerosakan kamera. Dalam keadaan ini, tulis nombor ralat (Exx) dan hubungi Canon Customer Support Help Desk.

Kesilapan Fail

- Pencetakan yang betul (📖180) mungkin tidak dapat dilakukan untuk foto dari kamera lain atau imej yang telah diubah suai menggunakan perisian komputer, walaupun jika kamera bersambung pada pencetak.

Kesilapan cetak

- Periksa tetapan saiz kertas (📖182). Jika mesej ralat ini dipaparkan walaupun apabila tetapan adalah betul, hidupkan semula pencetak dan lakukan semula tetapan pada kamera.

Ink absorber penuh

- Hubungi Canon Customer Support Help Desk untuk meminta bantuan penggantian penyerap ink.

Wi-Fi

Koneksi gagal

- Tiada pusat akses yang dikenali. Periksa tetapan pusat akses (📖142).
- Peranti tidak ditemui. Matikan dan hidupkan semula kamera dan cuba wujudkan sambungan sekali lagi.
- Periksa peranti yang ingin anda hubungkan dan pastikan peranti tersebut sedia untuk sambungan.

Tdk blh tentukan pusat akses

- Butang WPS pada pusat akses yang banyak ditekan serentak. Cuba sambungkan sekali lagi.

Tiada pusat akses ditemui

- Periksa untuk memastikan bahawa pusat akses telah dihidupkan.
- Apabila menyambung kepada pusat akses secara manual, pastikan anda memasukkan SSID yang betul.

Kata laluan salah/Kesilapan Wi-Fi pd seting keselamatan

- Periksa tetapan keselamatan pusat akses (📖142).

Konflik Alamat IP

- Tetapkan semula alamat IP supaya ia tidak berkonflik dengan yang lain.

Diputuskan/Fail tdk diterima/Penghantaran gagal

- Anda mungkin berada di kawasan di mana signal Wi-Fi terhalang.
- Elak menggunakan fungsi Wi-Fi kamera di sekitar ketuhar gelombang mikro, peranti Bluetooth dan peranti lain yang beroperasi pada jalur 2.4 GHz.
- Dekatkan kamera dengan peranti lain yang anda ingin hubungkan (seperti pusat akses) dan pastikan tiada objek antara kedua-dua peranti tersebut.
- Periksa peranti yang bersambung untuk memastikan peranti tidak mengalami ralat.

Penghantaran gagal

Kesilapan kad memori

- Jika mesej ralat yang sama dipaparkan walaupun setelah anda memformat kad memori dan memasukkannya mengikut arah yang betul, hubungi Canon Customer Support Help Desk.

Fail tdk diterima

Tdk cukup ruang dlm kad

- Ruang kosong pada kad memori dalam kamera sasaran tidak mencukupi untuk menerima imej. Padam imej untuk mengosongkan ruang pada kad memori atau masukkan kad memori dengan ruang yang mencukupi.

Fail tdk diterima

Kad memori terkunci

- Suis perlindungan tulis kad memori dalam kamera untuk menerima imej ditetapkan ke posisi terkunci. Luncurkan suis perlindungan tulis ke posisi nyahkunci.

Fail tdk diterima

